

Jilid I
Bil. 46



Hari Khamis
10hb Januari, 1980

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN NEGARA
SENATE

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4481]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Racun (Pindaan) [Ruangan 4508]

Rang Undang-undang Pencen: [Ruangan 4516]

MALAYSIA

PARLIMEN KELIMA—DEWAN NEGARA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TUN DATO' HAJI OMAR YOKE-LIN ONG, S.S.M., P.M.N., S.P.M.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATO HAJI MOHAMED BIN NASIR, S.P.M.K., J.M.N., J.P. (Kelantan).
- „ Menteri Tak Berpotfolio, DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Sabah).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, TAN SRI DATUK S. O. K. UBAIDULLA, P.S.M., D.P.M.S., J.M.N. (Dilantik).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING (Dilantik).
- „ JENERAL TAN SRI HAJI ABDUL HAMID BIN BIDIN, P.S.M., S.P.M.K., D.I.M.P., J.M.N., P.M.P., P.P.T., P.J.K. (Dilantik).
- „ TUAN ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ TAN SRI DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSAIN, P.S.M., D.S.W., J.S.M., S.M.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ABDUL SAMAD BIN SAID (Dilantik).
- „ TUAN ABDULLAH BIN SALLEH (Perlis).
- „ TUAN V. V. ABOO, J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ DATUK HAJI AHMAD BIN ARSHAD, D.P.M.J., A.M.N., S.M.J., J.P. (Johor).
- „ DATO HAJI AHMAD BIN HAJI ITHNIN, D.M.S.M., K.M.N., A.M.N., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik).
- „ TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik).
- „ DATUK CHONG FOO KHIN, D.S.K.D., K.M.N., P.J.K., P.P.T., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ DATUK CHOO CHING HWA, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K., P.P.N., J.P. (Dilantik).
- „ DR CHOO KOOI FOOK (Dilantik).
- „ TUAN CHUA CHING CHENG, P.J.K., J.P. (Melaka).
- „ DATUK CHUA SONG LIM, S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., P.I.S., J.P. (Johor).
- „ PUAN DASIMAH DASIR, A.M.N., J.P., P.K.T. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI FADZIL BIN AHMAD, A.M.N. (Kedah).
- „ PUAN HAJJAH FATIMAH BINTI HAJI SALIM, A.M.N., P.I.S., S.M.J. (Dilantik).
- „ TUAN T. S. GABRIEL (Dilantik).

- Yang Berhormat DATUK SERI HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, S.P.M.P., D.P.M.P., J.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN IBRAHIM BIN ABDULLAH, A.M.N., A.M.P., P.J.K., J.P. (Perak).
- DATO HAJI IBRAHIM BIN HAJI YAACOB, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., J.P. (Dilantik).
- TUAN ISMAIL BIN HASHIM, K.M.N., A.M.N., P.B.M., J.P. (Melaka).
- „ TUAN ISMAIL BIN SHEIKH IBRAHIM, P.P.N. (Perlis).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG, P.B.S. (Sarawak).
- TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Dilantik).
- „ TUAN KAMARUL ARIFFIN BIN MOHAMED YASSIN (Dilantik).
- TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T. (Dilantik).
- TUAN HAJI KHALID BIN HAJI ABDULLAH, K.M.N., S.D.K., J.P. (Dilantik).
- „ TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS (Dilantik).
- „ TAN SRI LEE BOON CHIM, P.S.M., S.M.S. (Dilantik).
- TAN SRI DATUK LEE LOY SENG, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Perak).
- TUAN M. MAHALINGAM, J.P. (Dilantik).
- DATIN HAJJAH MAHIMON BINTI HAJI HARUN, S.M.P., A.M.N., J.P. (Pahang).
- TUAN HAJI MAHMOUD *alias* MAHMOUD SALIM BIN HAJI MOHAMAD, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Trengganu).
- „ TUAN MICHAEL WONG KUAN LEE (Dilantik).
- TUAN HAJI MOHD. AMIN BIN HAJI YAAKUB, P.M.K. (Kelantan).
- TUAN HAJI MOHD. AZLAN KINJAWAN *alias* PHILIP MEJA (Dilantik).
- TAN SRI HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., S.P.C.M., P.N.B.S., S.P.D.K. (Dilantik).
- DATUK MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Dilantik).
- TUAN HAJI NORDIN BIN PESAH, K.M.N., A.M.N., P.J.K., J.P. (Negeri Sembilan).
- „ TUAN OH SIEW AUN, J.P. (Pulau Pinang).
- „ DATO HAJI OTHMAN BIN HAJI ABDULLAH, D.P.M.J., P.C.M. (Dilantik).
- „ TOK PANGKU PANDAK HAMID BIN PUTEH JALI, P.J.K. (Dilantik).
- „ DATO' PHUA CHENG LEONG, J.P. (Pahang).
- „ PUAN RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., A.M.N., P.J.K. (Dilantik).
- „ RAJA DATUK NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., P.J.K. (Selangor).
- „ TUAN S. I. RAJAH, B.S.I., P.I.S. (Dilantik).
- „ PUAN HAJJAH SALMAH BINTI SHEIKH HUSSAIN, A.M.N., P.K.T. (Dilantik).
- TAN SRI DATUK DR C. SINNADURAI, P.S.M., P.S.D., P.N.B.S., D.P.M.P., J.M.N., C.M.B., P.J.K. (Dilantik).

Yang Berhormat TUAN S. SUBRAMANIAM (Dilantik).

DATO' SULAIMAN NINAM SHAH, S.P.M.J., S.S.IJ., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P.
(Dilantik).

DATUK SYED HASSAN AIDID, D.P.M.N., J.M.N., P.J.K., J.P. (Pulau Pinang).

TUAN TING MING HIA *alias* TING MING HOI (Sarawak).

„ PUAN HAJJAH TOM SAODAH BINTI HAJI OTHMAN, A.M.N., P.P.N. (Kedah).

DATUK DR WEE KHOON HOCK, D.P.M.K., A.K., SB. ST. J., Datuk Kaya Pati
(Dilantik).

TUAN WONG KIE NAI (Dilantik).

TUAN YAP PENG *alias* YAP PIANG TAU (Selangor).

TAN SRI DATUK YEH PAO TZU, P.S.M., P.G.D.K., A.M.N, (Sabah). ,

„ PUAN ZAWIAH BINTI ABDULLAH, P.J.K., P.P.N. (Trengganu).

DEWAN NEGARA

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Shariff bin Md. Saad

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Khamis, 10hb Januari, 1980

Mesyuarat dimulakan pada pukul 230 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN

PENYELUDUPAN BIJIH TIMAH

1. Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa sering terdapat komplot melarikan bijih timah ke luar negeri dan apakah rancangan jangka panjang beliau akan ambil untuk mencegah penyeludupan bijih timah.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa ada terdapat komplot yang menyeludup bijih timah keluar negeri. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, adalah amat sukar bagi Kementerian saya untuk mengesan dan menghapuskan kegiatan ini. Walau bagaimanapun, beberapa langkah telah diambil untuk memperketatkan tindakan mencegah penyeludupan bijih timah. Ini termasuklah peraturan melarangkan pengangkutan bijih timah tanpa satu surat kebenaran atau permit yang dikeluarkan oleh Merinyu Kanan Galian. Kerajaan telah juga menaikkan bayaran hadiah kepada mereka yang memberi maklumat mengenai penyeludupan penyeludup bijih timah.

Di samping itu Bahagian Mencegah Penyeludupan Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja akan diperkuatkan lagi dengan tambahan kakitangan serta juga kelengkapan untuk rondaan darat dan laut. Pihak Kementerian Perusahaan Utama juga merancang untuk mengubahsuai pengiktirafan eksport timah supaya dapat memperketatkan lagi kawalan dan keluaran bijih timah.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Soalan tambahan saya begini. Walaupun nampaknya macam-macam kawalan yang telah dikenakan ke atas bijih ini tetapi penyeludupan bijih masih lagi berleluasa di negara kita. Tidakkah ada di dalam rancangan Kementerian iaitu bijih-bijih yang diambil di Malaysia ini diproses di negeri ini sendiri iaitu dengan cara dilebur atau dimasak di sini menjadi keping-kepingan ataupun jongsong-jongsong. Dengan cara ini tidak boleh orang bawa lari bijih kerana apakala sudah jadi keping-kepingan atau jongsong-jongsong itu diregisterkan di tempat melebur bijih itu. Tidakkah ada rancangan seumpama ini dalam Kementerian yang berkemaaan.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab penyeludupan bijih timah ini memang kita dengar daripada dahulu sampai sekarang masih tidak habis-habis dan baru-baru ini Timbalan Menteri yang berkenaan telah menyebut memang benar masih berlaku, tidakkah boleh Menteri yang berkenaan memikirkan sebab ini berapa banyak khazanah negara kita yang hilang begitu secara membazir dengan sebab penyeludupan begini berleluasa. Tidakkah boleh Menteri yang berkenaan menyiasat sendiri menyamar kadangkala di sempadan sana buat macam Saidina Omar zaman dahulu, jangan percayakan pegawai-pegawai sahaja, sendiri menyiasat dan tangkap sendiri.

Kedua, tidakkah Yang Berhormat Menteri bercadang supaya kita hapuskan sama sekali di dalam tanahair kita ini sebarang penyeludupan khasnya penyeludupan bijih dalam negeri kita ini, diadakan sebuah Jawatankuasa Penyiasatan secara menyeluruh supaya

membentangkan butir-butir yang tertentu yang tepat supaya dapat diamalkan oleh Kementerian bagi mengatasinya.

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, penyeludup-penyeludup bijih timah adalah galakkan oleh beberapa faktor seperti harga bijih timah yang begitu tinggi dan juga kerana memang senang sekali untuk mendapat pembeli-pembeli di negara-negara lain yang sedia membeli bijih timah yang diseludup.

Seperti saya katakan tadi dalam jawapan asal, Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, beberapa langkah telah diambil untuk memperketatkan tindakan mencegah penyeludupan bijih timah.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Soalan tambahan saya iaitu apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Mahmud Salim tadi mengenai langkah. Adakah Kerajaan mempunyai satu langkah, kita tahu smelting ada di Pulau Pinang, jadi supaya jangan dapat tin ore iaitu bijih timah yang macam pasir ini pergi ke luar negeri jadi disekat supaya jangan bijih-bijih ini dihantar eksport ke Singapura tetapi mestilah melalui Pulau Pinang sahaja. Boleh atau tidak satu langkah dibuat begitu?

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini akan dijawab oleh saya esok hari. Oleh itu saya harap jawapan ini akan diberi esok. Sebenarnya bijih timah mesti diproses di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua: Boleh dijawab sekarang. Baiklah!

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Walaupun berbagai langkah yang telah dibuat oleh Kerajaan tetapi penyeludupan bijih timah ini berjalan juga dari semasa ke semasa. Boleh atau tidak Kerajaan Malaysia ini membuat satu perundingan dengan Kerajaan Singapura untuk menghapuskan penyeludupan ini demi kepentingan kedua-dua buah negara?

Tuan Mak Hon Kam: Tuan Yang di-Pertua, ini boleh ditimbang.

WARGANEGARA MALAYSIA KAHWIN WARGANEGARA ASING

2. Tuan V. V. Aboo (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

- (a) apakah dasar yang diamalkan sekarang oleh Jabatan Imigresen berhubung dengan Warganegara Malaysia mengkahwini warganegara asing; dan apakah peraturan-peraturan Imigresen yang berkaitan dalam hal membawa isteri-isteri mereka ke Malaysia untuk tinggal tetap; dan
- (b) dapatkah beliau memberitahu Dewan mengapa berlaku kelewatan dalam meluluskan permohonan serupa ini untuk tinggal tetap yang mana mengakibatkan pihak suami mengalami kesusahan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, soalan yang sama maksud dan tujuannya telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri pada 11hb Disember 1979 dalam Dewan ini dan jawapan-jawapan telahpun diberi dan saya tidaklah berhajat hendak menambah apa-apa lagi.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya sering mendapat tahu bahawa amat ramai rakyat Malaysia melindungi orang-orang yang bukan rakyat Malaysia yang datang ke Malaysia ini dengan berbagai-bagai cara sama ada melalui perkahwinan, melancung dan sebagainya. Maka saya ingin tahu dalam soalan tambahan ini apakah hukuman yang dikenakan kepada pelindung-pelindung ini.

Kedua, apakah hukuman yang dikenakan kepada pesalah-pesalah yang bukan rakyat Malaysia apabila berlaku demikian.

Tan Sri Dato' Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, saya kurang dengar, minta ulangan.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Terima kasih. Soalannya begini. Saya sering dapat tahu bahawa amat ramai rakyat Malaysia melindungi orang-orang yang bukan rakyat Malaysia yang datang ke Malaysia ini dengan berbagai-bagai cara sama ada

melalui perkahwinan, melancung atau menziarahi keluarga dilindungi dengan berbagai-bagai cara bagi melambatkan kepulangan mereka. Maka dalam masalah ini saya ingin tahu apakah hukuman yang dikenakan kepada pelindung-pelindung ini. Juga apakah hukuman yang dikenakan kepada pesalah-pesalah yang bukan rakyat Malaysia apabila berlaku demikian.

Tan Sri Dato' Syed Alimad **Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, hukuman yang akan diberi kepada pelindung-pelindung yang seumpama itu ialah menurut Undang-undang Imigeresen yang tertentu. Mereka akan dihukum menurut hukuman yang akan ditetapkan setelah dibawa kepada pengaduan ke mahkamah dan hukuman-hukumain yang sewajarnya akan diberi kepada pesalah-pesalah ini atau pelindung-pelindung itu menurut undang-undang yang tertentu.

LESEN MEMANDU KERETA

3. Tuan V. V. Aboo minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa orang ramai mengalami kesukaran untuk mendapat lesen memandu dan apakah tindakan beliau akan ambil untuk mengaitasi perkara ini.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dr Goh Cheng Teik): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sedar. Kementerian saya walau bagaimana sedang mengambil langkah-langkah untuk mengaitasi perkara ini seperti berikut:

(a) Pada tahun 1979 seramai 107 penguji drebar telah ditugaskan untuk menjalankan pengujian pemandu kenderaan dan bilangan penguji drebar akan ditambah seramai 84 lagi bagi mengisi jawatan baru pada tahun 1980.

(b) Pejabat-pejabat Pengangkutan Jalan Negeri Kedah, Muar, Kuala Trengganu, Seremban, Batu Pahat, Ipoh dan Melaka akan diperbesarkan dari yang ada sekarang bagi kemudahan ujian memandu dan tidak lama lagi Pejabat Pengangkutan Jalan Wilayah Persekutuan akan mengadakan satu tempat ujian memandunya sendiri.

Tuan Haji Mahmoud Salim bin Mohamad: Soalan tambahan. Ada dua masalah sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua. Yang pertama orang-orang yang hendak mendapat lesen L—lesen baru. Pada masa dahulu orang boleh bayar begitu sahaja lepas itu dikeluarkan lesen L kepadanya. Selepas itu barulah dijalankan peperiksaan kalau lulus, luluslah; kalau tidak pun tidak. Sekarang sebelum dapat lesen L diadakan peperiksaan dahulu bagi hendak mendapatkan lesen L itu dan kalau lulus baru boleh dapat lesen L dan apakala dapat lesen L diperiksa pula lagi sekali. Adakah dijalankan begitu?

Keduanya yang lebih anih lagi orang-orang yang ada leseni iaitu lesen membawa motor-karkah, lorikah atau sebagainya hendak mengambil lesen, katakanlah motosikal, dia kena ambil lesen L juga dan dia juga kena periksa seperti itu. Sebelum dikeluarkan lesen L kepadanya dia mestilah menjalani peperiksaan terlebih dahulu apakala dia lulus baru dikeluarkan lesen L kepadanya selepas itu dijalankan pula peperiksaan sekali lagi. Apakah tujuannya dibuat begitu? Pada hal dia seorang drebar yang sudah berpuluh-puluh tahun membawa kereta, membawa lori dan sebagainya,, kerana hendak mengambil lesen motosikal kena periksa pula. Jadi bagaimana?

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan pertama memang benar bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan sekarang memerlukan seorang pemohon lesen L mengadakan dan meluluska ujian Highway Code dan ini bukan ujian memandu tetapi cuma ujian code lalulintas. Kementerian berpendapat bahawa sebelum seorang dilesenkan walaupun secara sementara lebih baik dari segi keselamatan jalanraya kalau pemohon itu dilengkapi dengan pengetahuan yang cukup berkenaan dengan code lalulintas.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, Kementerian saya sedar masalah yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan perkara ini sekarang dalam kajian.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, dahulu pun begitu juga ada code lalulintas. Jadi tidak menyusahkan rakyat, Kerajaan tidak mahu menyusahkan rakyat. Pada masa dahulu masa kita periksa lesen L itu

periksanya itu memeriksa juga code jalanraya, iaitu ini bagaimana signnya dan sebagainya. Kalau itu tidak lulus tidak lulus juga. Jadi 2×5 , $5 \times 2 = 10$ juga. Tetapi sekarang ini memakan masa yang lama dan menyusahkan rakyat dua kali. Jadi boleh atau tidak diulang balik, difikirkan sekali lagi supaya menyenangkan rakyat supaya macam dahulu juga. Boleh atau tidak dibuat begitu.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini pun sering kali mengkritik Kerajaan atas kadar kemalangan yang makin lama makin bertambah. Jadi salah satu langkah untuk mengurangkan kemalangan jalanraya dan menaikkan taraf kesdamatan jalanraya ialah mewajibkan seorang pemohon untuk lesen sementara meluluskan peperiksaan Highway Code sebelum beliau diizinkan untuk memandu kereta atau naik motosikal ke jalanraya. Ini dianggap perlu dari segi keselamatan jalanraya. Walau bagaimanapun, Kementerian saya akan mengambil perhatian atas syor-syor yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat itu.

SEKOLAH MENENGAH TEKNIK/ VOKESYENAL/SEKOLAH ASRAMA PENUH

4. Puan Zawiah binti Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan samada 13 buah Sekolah Teknikal dan Vokesyenal di seluruh Malaysia bagi tahun 1980 akan dijadikan Sekolah Berasrama Penuh.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang untuk menjadikan Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Vokesyenal sekolah-sekolah berasrama penuh. Walau bagaimanapun, tindakan telah diambil untuk menambah lagi asrama-asrama kepada 10 buah daripada 24 buah Sekolah Menengah Vokesyenal dan 7 buah daripada 9 buah Sekolah Menengah Teknik dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Adakah Kementerian ini sedang memikirkan bahawa matapelajaran sekolah teknik atau sekolah vokesyenal itu patut

disemak dan disesuaikan dengan kehendak perubahan zaman yang berkehendakkan tenaga mahir untuk pembangunan negara?

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, perkara itu boleh ditimbang.

KELAPASAWIT—KEKURANGAN KILANG

5. Tuan Chua Ching Cheng minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa baru-baru ini di negeri Johor ramai pekebun kecil kelapasawit telah menghadapi masalah kesukaran untuk mendapat pasaran hasil keluaran mereka kerana kilang-kilang kelapasawit swasta yang berada di negeri itu tidak dapat menampung dan memperoses hasil keluaran pekebun-pekebun kecil yang kian bertambah banyak. Jika ya, apakah langkah yang telah diambil oleh Kementeriannya untuk mengatasi masalah ini.

Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa pada bulan-bulan Ogos dan September tahun lepas ramai pekebun-pekebun kecil kelapasawit di negeri Johor, khususnya di Daerah Kluang, telah menghadapi masalah pasaran hasil keluaran mereka di kalangan kilang-kilang kelapasawit swasta di negeri tersebut.

Saya telah mengarahkan satu pasukan dari Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit (PORLA) dihantar ke Kluang untuk menyiasat masalah ini dan berikutnya pula satu majlis dialog di antara pegawai-pegawai Kementerian saya dan PORLA dengan wakil-wakil pekebun-pekebun kecil, pengilang-pengilang serta peniaga-peniaga kelapasawit di Daerah yang berkenaan telah diadakan di Pejabat Daerah Kluang.

Penambahan yang nyata di dalam pengeluaran buah kelapasawit di negeri tersebut telah dikesan sebagai punca masalah yang berkenaan. Sejak bulan Ogos yang lalu, negeri itu telah menerima hujan yang lebih dan ini telah menyebabkan buah kelapasawit masak lebih awal dari biasa. Dengan sebab itu, kilang-kilang kelapasawit di negeri itu telah menghadapi bekalan buah kelapasawit yang berlebihan untuk diproses dari ladang-ladang mereka sendiri dan juga dari

pekebun-pekebun kecil. Masalah ini telah menjadi lebih buruk lagi akibat cuti panjang Hari Raya yang diikuti pula oleh perayaan Hari Kebangsaan. Sebilangan kilang-kilang juga telah ditutup untuk tujuan-tujuan pembesaran serta pembersihan dan pembetulan sebelum pemeriksaan Jabatan Jentera Negeri.

Sejak akhir bulan September tahun lepas, pengeluaran buah kelapa sawit di negeri itu telah beransur-ansur kembali ke paras biasa. Namun begitu, Ilang-kilang yang berkenaan masih menghadapi masalah lebih buah kelapa sawit kerana tunggakan pemerosan masih belum dihabiskan sepenuhnya, Tunggakan pemerosan ini dijangka akan berlarutan hingga ke awal tahun ini akibat musim perayaan Deepavali, Hari Raya Haji, Hari Natal dan Tahun Baru.

Pada masa ini terdapat tiga puluh buah kilang-kilang kelapa sawit yang sedang menjalankan operasi di negeri Johor termasuk dua belas buah di Daerah Kluang. Dari sebanyak 7 buah kilang tambahan yang sedang dibina di negeri tersebut sebanyak lima buah adalah terletak di Daerah Kluang. Pihak pekebun-pekebun kecil di daerah itu sendiri telah menyuarakan minat untuk menubuhkan sebuah koperasi bagi maksud mendirikan dan menguruskan sebuah kilang kelapa sawit mereka sendiri. Oleh yang demikian, adalah dijangkakan bahawa dalam satu atau dua tahun lagi keupayaan memproses kilang-kilang kelapa sawit di negeri Johor, khususnya di Daerah Kluang, akan bertambah untuk menampung penambahan yang dijangkakan di dalam pengeluaran buah kelapa sawit.

Sementara menunggu keadaan jangka panjang ini mengatasi sendiri masalah pekebun-pekebun kecil yang berkenaan, Kementerian saya telah meminta Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan supaya menimbang pengeluaran lesen-lesen sementara kepada lori-lori untuk membolehkan buah-buah kelapa sawit yang berlebihan di Daerah Kluang dan Negeri Johor diangkut keluar ke kilang-kilang di negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Buat permulaan Jabatan Pengangkutan Jalan telah bersetuju untuk menimbang dan meluluskan pengeluaran lesen-lesen sementara kepada lori-lori bagi maksud mengangkut buah-buah kelapa sawit dari Daerah Kluang. Dengan cara ini masalah kelebihan

buah kelapa sawit Daerah Kluang telah dapat diatasi. Kementerian saya telah juga memaklumkan Jabatan yang berkenaan tentang kemungkinan pengeluaran lesen-lesen sementara itu diperluaskan ke seluruh negeri Johor dan juga negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia sekiranya keadaan memerlukan.

Memandangkan pengeluaran buah kelapa sawit dijangka akan terus meningkat dengan pesatnya di tahun-tahun yang akan datang saya juga telah mengarahkan PORLA supaya merangka satu sistem yang disatukan bagi maksud menentukan bilangan kilang-kilang kelapa sawit yang mencukupi di setiap kawasan pengeluaran buah kelapa sawit di negara ini.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Saya mengucapkan terima kasih atas penerangan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dengan panjang lebar itu, tetapi saya hendak tambah sedikit untuk menenangkan rakyat supaya jangan rakyat susah. Jadi, adakah cadangan Kerajaan sekarang bagi mengatasi nasib pekebun kecil dibuat mesin-mesin kecil untuk mengilang macam getah juga dan lesen kepada mereka itu. Jikalau ada inventor membuat mesin kecil boleh atau tidak setiap pekebun kecil diberi mesin kecil itu, ini bukan hendak memproses menjadikan sabun atau minyak tidak. Mereka cuma mengeluarkan crude oil sahaja supaya boleh dijual ke tempat lain, boleh dibuat atau tidak pekebun kecil diberi lesen menggunakan mesin kecil supaya untuk menyenangkan rakyat.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada kerana kilang yang kecil itu tidak ekonomik.

Datuk Haji Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri berkenaan itu berunding dan bekerjasama dengan Kementerian Tanah dan Wilayah supaya hasil-hasil kelapa sawit daripada pekebun kecil di Kluang sebagaimana yang ada dalam soal ini boleh dijual ke kilang kelapa sawit yang akan didirikan di Mersing sebab tidak berapa jauh dengan Kluang malahan pula kilang itu kurang bahan mentah sebagaimana yang dihajati.

Dato' Paul Leong Khee Seong: Tuan Yang di-Pertua, kegiatan itu boleh dijalankan.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Menteri berkenaan mengatakan ada 60 buah kilang kelapasawit saya hendak tahu daripada 60 buah itu berapa kilang yang dipunyai oleh

Oleh kerana itu pada masa sekarang tiap-tiap kaum itu amat kurang menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam kebudayaan masing-masing, dengan sebab itu bagaimana Kerajaan akan mengadakan dasar untuk

terian untuk menjaga warisan kebudayaan rakyat Malaysia keturunan Hindu.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Chin Hon Ngian): Tuan Yang di-Pertua, soal pemeliharaan kebudayaan rakyat di negara ini termasuklah kebudayaan rakyat Malaysia keturunan Hindu adalah diperuntukkan dalam Perlembagaan negara, begitu juga Rukunegara mendokong cita-cita hendak menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak. Antara usaha-usaha ke arah ini ialah bahawa Kerajaan telah menubuhkan satu Majlis Penasihat Kebudayaan berkenaan kebudayaan yang terdiri daripada wakil-wakil berbagai kaum dan berbagai bidang untuk menasihati Kerajaan tentang perkara ini.

Tuan T. S. Gabriel: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Kebudayaan kebangsaan ialah satu perkara yang amat penting untuk sesebuah negara dan Kerajaan kita pun mengadakan satu dasar untuk mengadakan seberapa cepat yang boleh kebudayaan kebangsaan.

Tuan Yang di-Pertua, Bahasa Kebangsaan sesuatu negara memainkan peranan penting dalam kebudayaan negara masing-masing.

Pertua, negara kita adalah satu negara yang ada berbagai kaum, jadi Kerajaan memang mengambil perhatian atas perkara ini berkenaan dengan mengwujudkan satu kebudayaan kebangsaan. Sebagaimana saya katakan sebentar tadi kebudayaan akan wujud, tetapi ini akan mengambil masa melalui evolusi.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah pada hari ini yang bangsa asing di negeri ini memikirkan yang kebudayaannya akan hapus, oleh kerana soalan di sini mengatakan dalam bahasa Inggeris (*Dengan izin*) "To ask the Minister of Culture, Youth and Sports to state the measures taken by" Langkah-langkah yang mesti diambil, adakah pada hari ini Yang Berhormat Timbalan Menteri memikirkan iaitu kebudayaan bangsa asing di negara ini tidak terjamin lagi atau tidak?

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan sebentar tadi kebudayaan rakyat Malaysia keturunan Hindu atau Iain-lain adalah diperuntukkan, dijamin dalam Perlembagaan negara kita ini. Jadi sama ada kebudayaan asing akan hapus atau tidak, perkara ini tidak timbul.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya dahulu daripada ini pandangan saya dan ingatan saya terang, tetapi bila saya mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri saya kabur semula. Soalan saya begini adakah kebudayaan kebangsaan ini berteraskan kebudayaan Melayu, itu perlu dijawab terang-terang, tinggal lagi mempersatukan kebudayaan kebangsaan mengambil masa yang panjang—saya setuju. Tetapi bila ditanya oleh Yang Berhormat di sebelah tadi—kakak saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab dan ini menjadikan satu dasar Kerajaan yang perlu diterangkan dan takut kalau-kalau ini dikelirukan. Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab soalan saya, adakah dasar kebudayaan kebangsaan ini berteraskan kebudayaan Melayu, itu yang saya hendak jawapan 'ya' atau 'tidak'.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, negara kita, seperti saya kata sebentar tadi adalah satu negara yang mempunyai berbagai kaum, tetapi kaum Melayu adalah satu dominant factor, jadi memang dalam proses untuk mengwujudkan satu kebudayaan kebangsaan dominant factor ini memang diberi perhatian yang serius.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa mengulang sedikit kepada soalan tambahan yang baru sahaja dikemukakan oleh sahabat saya Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak dan juga Puan Hajjah Salmah. Jawapan yang diminta tidaklah begitu susah—'ya' atau 'tidak', tetapi daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri seolah-olah menunjukkan beliau menafikan apa yang telah disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Dato' Hussein Onn dan juga bekas Perdana Menteri kita Allahyarham Tun Abdul Razak dalam masalah ini. Soalannya senang sahaja adakah kebudayaan kebangsaan kita ini berteraskan kepada kebudayaan Melayu ataupun kebudayaan rantau ini, itu sahaja jawapan yang dipinta. Saya rasa untuk memberi jawapan itu tidak susah, tetapi dengan cara Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, ini mengelirukan lagi rakyat. Saya rasa kita perlu mendapat satu jawapan yang tegas daripada Yang Berhormat Timbalan

Menteri sama ada beliau menafikan apa yang telah dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam masalah ini.

Datuk Chin Hon Ngian: Tuan Yang di-Pertua, memang saya tidak menafikan apa-apa dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, nampaknya soalan-soalan tambahan yang dibangkitkan adalah jauh daripada soalan asal, jadi saya minta notis.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Baik, cukuplah, cukup.

Tuan Ibrahim bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ada banyak lagi soalan-soalan, saya fikir sudah cukup kerana Timbalan Menteri minta notis, baik lain kalilah.

KEMALANGAN JALANRAYA— KOORDINASI JABATAN—JABATAN

7. Tuan Abdul Razak bin Haji Abu Samah minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada beliau sedar bahawa satu dari sebab-sebab kesesakan dan kemalangan di jalanraya akibat dari keadaan jalan yang tidak baik ialah dari kerja-kerja berlapis oleh berbagai jabatan dalam usaha membekalkan infrastruktur kepada orangramai; jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil untuk mendapatkan koordinasi antara jabatan-jabatan dan usaha mereka membaiki jalan memasang cable, telefoni, elektrik dan sebagainya.

Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan Clarence E. Mansul): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa kerja-kerja memasang kemudahan-kemudahan awam oleh Jabatan-jabatan Kerajaan seperti air, elektrik, telefon dan lain-lain perlu diselaraskan untuk menentukan gangguan yang minima kepada pengguna-pengguna jalanraya. Penyelarasan dan kerjasama sentiasa dibuat oleh Kementerian saya dengan Jabatan-jabatan yang berkenaan di peringkat perancangan dan pelaksanaan. Bagaimanapun, tanggungjawab Kementerian

saya adalah terhad kepada jalan-jalan di luar kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Dalam kawasan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan penyelarasan itu dibuat oleh Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya iaitu berkenaan dengan lubang-lubang yang dikorek oleh Telekom, JKR dan sebagainya tetapi tidak dibaiki semula adakah Kementerian bertanggungjawab atau tidak menutup balik sebab selepas kerja sebulan pun tidak ditutup balik. Jadi beberapa banyak pelanggaran dan kematian telah berlaku. Jikalau kematian-kematian ini berlaku akibat pelanggaran dan sebagainya oleh kerana lubang tadi, adakah Kementerian Yang Berhormat bertanggungjawab di atas kematian orang-orang ini yang bukan disebabkan oleh kelalaian mereka membawa kereta.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan oleh Yang Berhormat itu adalah terlalu umum. Dalam pelaksanaan projek mengorek jalanraya oleh pihak-pihak kontraktor untuk memudahkan kemudahan-kemudahan ini menyeberang jalan itu tentulah tanggungjawab menutup balik jalanraya itu adalah tanggungjawab sepenuhnya oleh kontraktor-kontraktor yang berkenaan.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, ini bukan hendak berdebat—tidak. Tidakkah JKR ataupun Kementerian bertanggungjawab dalam hal kontraktor itu sebab ini tidak boleh dikatakan kontraktor-kontraktor telah dibayar tetapi dia tidak timbus balik. Jadi boleh atau tidak perkara ini diambil tindakan oleh kerana Timbalan Menteri mengatakan soalan saya umum, saya boleh beri satu instance iaitu kalau kita pergi di jalan Petaling Jaya masuk ke Jalan Tun Dr Ismail masuk jalan lama pergi ke Batu Arang, cuba tengok jambatan itu terbuka sahaja, tidak dikandang sampai sekarang. Boleh atau tidak Kerajaan menengok di atas perkara-perkara ini supaya jangan berlaku pelanggaran dan sebagainya.

Tuan Clarence E. Mansul: Saya akan siasat.

Puan Rahmah binti Othman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya melihatkan kepada soalan yang dikemukakan oleh rakan saya dia bertanyakan sama ada Kementerian ini mendapatkan koordinasi antara jabatan-jabatan. Ini termasuklah juga jabatan yang disebut oleh Menteri tadi di peringkat tempatan, mungkin agaknya Majllis Tempatan, tetapi di sekitar bandar Kuala Lumpur, saya tidak dapat lihat adanya koordinasi di antara Jabatan-jabatan terutama sekali apakala ada rancangan-rancangan perumahan. Agaknya lain Menteri bertanggungjawab menjawabnya tentulah meminta bersurat, Tetapi ini termasuklah dalam hal koordinasi ini. Sama ada rancangan perumahan ataupun bangunan-bangunan yang terdiri di Kuala Lumpur ini setelah siap bangunan itu datanglah pula Jabatan Telekom tebuk lagi jalan, selepas itu air, tebuk lagi jalan; ini menyusahkan orang ramai. Apakah usaha Kementerian ini selama beberapa tahun ini mengadakan koordinasi di antara Jabatan ini supaya perkara ini tidak timbul lagi kerana soalan ini telah beberapa tahun yang lampau dikemukakan di dalam Dewan ini.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi penyelarasan dan kerjasama telahpun diadakan di antara Jabatan-jabatan ataupun Kementerian-kementerian yang lain dan Kementerian saya. Satu daripada penyelarasan yang telah dibuat ialah mesyuarat di antara Kementerian saya dengan Kementerian-kementerian yang berkenaan berkaitan dengan projek-projek yang tertentu ataupun masalah-masalah yang perlu berkehendakkan tindakan yang seberapa cepat.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi itu berkaitan dengan projek di Wilayah Persekutuan adalah satu daripada apa yang saya katakan tadi di luar daripada kuasa yang mana Kementerian saya adalah mempunyai kuasa yang tetap iaitu jalan-jalanraya di dalam Wilayah Persekutuan kecuali "traffic dispersal scheme" adalah di bawah jagaan Wilayah Persekutuan dan penyelarasan saya rasa perlulah dibuat di peringkat Wilayah.

Dr Choo Kooi Fook: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjalankan tugas-tugas memperbaiki jalan terutamanya di Kuala

Lumpur pada waktu malam oleh kerana pada waktu malam pada anggapan saya sesuai bagi pekerja-pekerja bekerja tambahan pula mengelakkan kesesakan kenderaan di Kuala Lumpur.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, ini memang telahpun digalakkan tetapi ada beberapa projek Kerajaan yang membina jalanraya di Kuala Lumpur ini adalah diberi kepada kontraktor dan daripada pihak Kerajaan memanglah kita menggalakkan kontraktor itu mempercepatkan kerja itu dengan seberapa boleh termasuklah kerja malam. Jadi kalaulah kontraktor itu tidak mampu bekerja malam sukar juga bagi kita untuk menyuruh dia bekerja malam.

Datuk Mohd. Tahir bin Abdul Majid: Soalan tambahan. Saya hendak meminta kepastian dari Timbalan Menteri yang berkenaan, beliau telah menyatakan penyelarasan sudah dibuat. Penyelarasan yang bagaimana yang dibuat? Apa cara penyelarasan yang telah dilaksanakan?

Yang kedua, jalan-jalanraya yang telah dibongkar untuk melaksanakan sesuatu rancangan sebagai memperbesarkan dan memperbaiki saluran najis yang berjalan di waktu ini adakah kontraktor yang bertanggung-jawab untuk memberikan kerja itu kepada pemborong ataupun Kementerian Kerjaraya ini yang bertanggungjawab memberikan kerja kepada pemborong. Apakah tanggungjawab pemborong kepada Jabatan ini dan apakah tanggungjawab Jabatan ini kepada pemborong.

Tuan Clarence E. Mansul: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham di mana satu projek yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator tadi. Kalaulah Yang Berhormat Senator itu menyentuh kerja-kerja dalam Wilayah Persekutuan, saya mohon maaf di sini kerana ini adalah bukan di dalam kuasa Kementerian saya.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Oleh sebab tiada akuan bahawa Kementerian Kerjaraya ini ada membuat penyelarasan atau perhubungan yang baik dengan Kementerian Wilayah, jadi bolehkah disampaikan sahajalah supaya kalau menge-luar tender waktu memperbaiki jalanraya di

Bandaraya Kuala Lumpur ini katakanlah tender kerja malam pukul 12.00 malam ke atas, kerana belum pernah ada bandar-bandar yang lain macam Kuala Lumpur ini—timbus sini sana rosak timbus sana sini rosak. Tiadakah ada pakar kita? Bolehkah disampaikan, cukuplah kalau boleh sampai. Buat tender pukul 12.00 malam ke atas bekerja macam di Singapura, Australia, England dan di mana-mana yang tuan-tuan telah pergi.

Tuan Clarence E. Mansul: Saya akan sampaikan (*Ketawa*).

TELEFON—BAYARAN "OVER-CHARGING"

8. Datuk Syed Hassan Aidid minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan bilangan pengguna-pengguna telefon yang mana bil-bil mereka itu dikenakan bayaran over-charging" dan apakah sebab-sebabnya berlaku demikian serta sama ada Kementerian akan mencari jalan untuk mengatasinya kerana perkara ini menyusahkan orangramai.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak): Tuan Yang di-Pertua, adalah dimaklumkan pada tahun 1978 Jabatan Telekom telah menerima sebanyak 9,004 aduan dan 10,875 aduan sehingga September, 1979 mengenai lebihan bayaran bil telefon. Jabatan Telekom telah membuat siasatan rapi ke atas aduan-aduan ini dan berpuas hati bahawa seramai 1,146 pelanggan pada tahun 1978 dan 1,631 pelanggan sehingga bulan September, 1979 telah terkena lebihan bayaran.

Jabatan Telekom telahpun memberi penyelarasan kredit atau rebate kepada pelanggan-pelanggan ini. Baki aduan-aduan tersebut didapati tidak berasas. Bayaran over-charging mungkin boleh berlaku disebabkan oleh salah satu faktor-faktor berikut:

- (1) kerosakan pada meter-meter bacaan telefon.
- (2) salah faham pengguna-pengguna di mana memikirkkan mereka boleh memadamkan bil-bil yang dicatitkan oleh meter dengan mendail kosong selepas membuat panggilan jauh, tetapi sebenarnya perbuatan ini hanya menaikkan bacaan meter telefon.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi mengatasi masalah lebih bayaran meter ini, Kementerian saya telah bersetuju supaya Jabatan Telekom memasang alat Sistem Pengesan Bayaran-bayaran Panggilan Telefon (Telephone Call Charge Verification System) pada tahun ini. Sistem jenis komputer yang baru ini boleh menyiasat kebenaran aduan-aduan dengan lebih berkesan lagi. Alat-alat ini telah dipesan dan untuk permulaannya ia akan dipasang di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Pulau Pinang, Ipoh dan Johor.

Puan Hajjah Salmah binti Sheikh Hussain: Tuan Yang di-Pertua, walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan berpuashati dengan usaha-usaha jabatannya, di sini saya ingin tahu, sering terjadi bayaran bil telefon yang baru dipasang melebihi dari jangka yang digunakan dan apabila sudah diteliti kembali maka bayarannya amat jauh bezanya terlari dari bil-bil biasa. Maka saya ingin tahu apakah sikap Kerajaan agar perkara demikian tidak selalu berlaku.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, kita siasat dengan rapi tiap-tiap satu aduan yang diterima oleh Jabatan Telekom dan jika didapati bahawa aduan-aduan tersebut itu adalah berasas maka pihak yang membuat aduan itu akan diberi rebate. Tetapi sebahagian besar daripada aduan-aduan yang kita telah terima telah disiasat dengan teliti didapati bahawa ada panggilan-panggilan yang dibuat tetapi tidak diketahui oleh tuan rumah misalnya pembantu rumah membuat panggilan telefon; anak-anak atau sebagainya. Jadi kebanyakan aduan-aduan didapati tidak berasas tetapi jika aduan itu adalah benar kita beri rebate.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Mengikut jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi salah satu alasan ialah kerosakan meter. Adakah meter itu telah dibaiki.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Setiap meter yang rosak adalah dibaiki.

Dato' Sulaiman Ninam Shah: Soalan tambahan. Jikalau pelanggan yang mempunyai rumah itu mendapati bil itu bersalahan, kemudian dia mengadu kepada jabatan

berkenaan. Dalam masa siasatan itu adakah dimestikan tuan punya rumah itu mesti membayar bil itu dengan penuh. Apa yang saya dapat tahu dalam masa pengurusan itu jika bil telefon tidak dibayar telefon itu dipotong. Tetapi saya fikir kalau perkara macam ini dibuat ada kurang baik sedikit. Dapatkah pihak Kerajaan atau jabatan ini menimbang, sebelum selesai perkara itu supaya jangan diambil tindakan memotong telefon yang berkenaan.

Dato' Mohamed Najib bin Tun Haji Abdul Razak: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kita tidak boleh berbuat demikian kerana kalau kita tidak memerlukan seorang pelanggan itu membayar bil telefon semasa bilnya sedang disiasat saya rasa setiap pelanggan akan membuat aduan kepada Jabatan Telekom. Jadi tindakan ini akan membawa kerugian yang besar dan kesusahan yang besar kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, pada masa akan datang bil Call Charge Verification System yang saya telah sebut tadi dipasang maka pada masa akan datang ini tiap-tiap pelanggan akan mendapat senarai nombor-nombor yang dipanggil dalam tiap-tiap satu bulan. Jadi saya rasa sistem ini amatlah berkesan.

PEPERIKSAAN S.R.P./S.P.M. DI SABAH—PERATUS

9. Tuan Abdul Razak bin Abu Samah (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan kemerosotan kadar peratus penuntut-penuntut yang lulus dalam peperiksaan seperti Sijil Rendah Pelajaran dan Sijil Pelajaran Malaysia di seluruh negeri Sabah dan menyedari kekurangan kemudahan pengajian dan persekolahan peringkat samada Kerajaan Persekutuan akan:

- (a) menambahkan guru-guru dan Pensyarah-pensyarah yang berkelayakan di seluruh Negeri (Sabab);
- (b) menambah kemudahan-kemudahan latihan dan pengajian untuk guru-guru yang tidak terlatih;
- (c) mempercepatkan pembinaan Sekolah Rendah dan Menengah di seluruh Negeri yang telah dirancangan;
- (d) menambahkan bilangan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Institusi-institusi Pengajian Tinggi di dalam dan

di luar negeri serta biasiswa untuk mengikuti kursus-kursus lanjutan yang serupa;

- (e) melengkapkan sekolah-sekolah dengan alat-alat pengajian dan pembelajaran yang kemaskini;
- (f) memperbaiki suasana sekitar sekolah-sekolah supaya lebih menyenangkan pelajar-pelajar; dan
- (g) memberi kemudahan asrama kepada murid-murid sekolah rendah yang tinggal jauh dari pekan dan tidak mendapat kemudahan persekolahan di kampung mereka.

Dato' Chan Siang Son: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan itu terlalu panjang, saya minta izin daripada Dewan untuk menjawab barangkali begitu panjang juga.

- (a) Kementerian saya sentiasa menumpukan perhatian terhadap langkah-langkah yang perlu diambil untuk menjamin taraf pendidikan yang tinggi di seluruh negara. Berhubung dengan usaha untuk meninggikan taraf pendidikan di Sabah pula, Kementerian saya telah mengambil langkah-langkah yang positif, di antaranya ialah dengan memperbaiki kemudahan-kemudahan pelajaran dan membanyakkan lagi pembekalan guru-guru yang terlatih di sekolah-sekolah dan pensyarah-pensyarah yang berkelayakan di maktab-maktab. Pembekalan tenaga pengajar yang diperlukan kian meningkat tahun demi tahun umpamanya bagi guru-guru terlatih, bilangannya bertambah daripada 238 dalam tahun 1975 kepada 818 orang dalam tahun 1979.

Bagi pensyarah-pensyarah yang berkelayakan, pembekalan juga bertambah tiap-tiap tahun iaitu daripada 58 orang pensyarah dalam tahun 1975 kepada 108 orang dalam tahun 1979. Bilangan tenaga pengajar yang berkelayakan akan meningkat lagi pada tahun 1980 hingga menjadi 139 orang seperti yang telah diluluskan untuk ketiga-tiga maktab perguruan di Sabah iaitu 43 di Maktab Perguruan Gaya, 69 di Maktab Perguruan Kent dan 27 di Maktab Perguruan Sandakan.

Langkah-langkah bukan sahaja diambil dari segi menambah bilangan tenaga pengajar tetapi juga dari segi memperbaiki situasi pembelajaran di maktab-maktab dengan:

- (i) mengujudkan jawatan-jawatan Ketua Jabatan;
 - (ii) mengecilkan saiz tiap-taip unit mengikut kadar yang baru iaitu daripada 2.1:1 unit bagi 35 orang kepada 2.3:1 unit bagi 30 orang.
- (b) Kemudahan-kemudahan latihan memang ada dibekalkan kepada guru-guru sementara iaitu guru-guru yang tidak terlatih dengan adanya kursus-kursus dalam masa cuti bagi guru-guru biasa dan guru-guru Ugama. Kursus ini memakan masa selama tiga tahun. Mulai tahun 1977 kadar pengambilan guru-guru untuk mengikuti kursus tersebut berjumlah 250 orang dan bilangan pengambilan yang sama dikekalkan bagi tahun-tahun yang seterusnya. mengikut rancangan semasa, pengambilan yang terakhir bagi guru-guru sementara ini ialah pada tahun 1982. Bagi Guru-guru Ugama pula mulai 1978 kadar pengambilan adalah seramai 145 orang dengan kadar penambahan seramai 70 orang setahun. Pengambilan yang terakhir bagi kursus ini ialah pada tahun 1983.
 - (c) Kementerian Pelajaran sentiasa mencari jalan untuk mempercepatkan lagi pembinaan sekolah-sekolah yang telah dirancang. Di mana sesuai khidmat perunding adalah digunakan. Khidmat perunding ini kita telah jalankan dan efektif khasnya berkenaan projek-projek Rancangan Pinjaman Bank Dunia.
 - (d) Kementerian saya sedia menambahkan biasiswa-biasiswa untuk penuntut-penuntut melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pelajaran tinggi di dalam dan di luar negeri untuk kursus-kursus ijazah pertama dan ijazah lanjutan. Bagaimanapun bilangan hadiah-hadiah untuk sesuatu peringkat pengajian dalam sesuatu tahun adalah bergantung kepada keperluan tenaga pengajar Kementerian ini untuk menjadi guru-guru di sekolah dan juga

pegawai-pegawai pentadbir pelajaran dalam bidang-bidang yang diperlu dan dipersetujukan oleh Kementerian ini.

- (e) Kementerian saya dari masa ke semasa sentiasa mengambil berat tentang kelengkapan alat-alat pengajian dan pembelajaran yang kemaskini bagi tiap-tiap sekolah terutamanya kelengkapan bagi perpustakaan dan pelajaran sains.
- (f) Setiap kawasan sekolah diratakan dan ditanam dengan rumput (landscaped and turfed) dan biasanya tiap-tiap sekolah mempunyai Tukang Kebun bagi menjaga dan mencantikkan persekitaran sekolah supaya lebih teratur dan selesa.
- (g) Kementerian saya telah pun menyediakan kemudahan-kemudahan asrama kepada murid-murid sekolah rendah di kawasan pedalaman dan seterusnya kemudahan-kemudahan ini akan disediakan di kawasan-kawasan pedalaman yang memerlukannya terutamanya di Sabah dan Sarawak.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Soalan tambahan. Adakah pemberian Kementerian Pelajaran kepada Sabah berhubung dengan kemudahan pengajian ini sama dengan apa yang diberi kepada Malaysia Barat ini atau lebih lagi kepada Sabah. Ini yang saya hendak tanya.

Team Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Semenanjung Malaysia, bukan Malaysia Barat.

Tan Sri Datuk Haji Abdul Razak bin Haji Husain: Semenanjung Malaysia minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Chan Siang Sun: Tuan Yang di-Pertua, buat sementara waktu tentulah kita tidak dapat menafikan Sabah dan Sarawak masih mundur di dalam bidang pelajaran. Jadi kita mestilah memberi perhatian yang lebih, bukan lebih sedikit tetapi lebih (*Ketawda* kepada Sabah dan Sarawak dan kita tidak juga tinggalkan negeri-negeri dalam Semenanjung Malaysia.

TANAH UNTUK PERUMAHAN

10. Datuk Choo Ching Hwa minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) sama ada sedar bahawa proses meluluskan tanah untuk perumahan telah menyebabkan kos tanah meningkat dan kos tambahan ini terpaksa dipindahkan kepada pembeli rumah; jika sedar, apakah tindakan beliau akan ambil untuk menolong mempercepatkan masa bagi meluluskan tanah perumahan dari pihak Kerajaan Negeri; dan
- (b) sama ada beliau menubuhkan sebuah badan berkanun, yang termasuk perwakilan dari Kementerian untuk memeriksa dan meluluskan projek perumahan yang berkenaan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Ramli bin Omar): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) walaupun jangka masa untuk mendapat kelulusan ubah syarat tanah untuk perumahan mengambil sedikit masa, tetapi tidak dapat dikatakan bahawa ianya menyebabkan kenaikan kos tanah oleh kerana kenaikan kos bergantung juga kepada faktor-faktor lain. Tidakkah dapat dikatakan kos meningkat kecuali tuan-tuan tanah membeli tanah tersebut dengan cara pinjaman wang daripada mana-mana pihak yang mengenakan faedah yang tinggi dan sebagainya. Kementerian saya tidak ingin campur tangan dalam hal ini oleh kerana proses tanah telah ditetapkan di bawah Kanun Tanah Negara dan prosedur-prosedurnya ditetapkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

- (b) Kementerian saya tidak bercadang untuk menubuhkan satu badan berkanun bagi tujuan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Masa soal jawab sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).

SHELL DI PORT DICKSON— PENGURUS PENAPIS MINYAK

11. Tuan Haji **Abdul Samad bin Said** bertanya kepada Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat sama ada beliau sedar bahawa kilang Penapis Minyak Shell di Port Dickson bercadang hendak menggantikan Pengurusnya sekarang ini dengan seorang Warga-negara Singapura.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Dato' Richard Ho Ung Hun): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, Jawatan Pengurus Penapis Minyak (Refinery Manager) di Kilang Penapis Minyak Shell di Port Dickson telah diberi taraf jawatan penting (Key Post) iaitu jawatan ini tidak perlu di warganegarakan. Oleh yang demikian, ter-
pulanglah kepada budibicara syarikat itu sendiri untuk mengisikan jawatan itu oleh pegawai yang difikirkan layak dan sesuai. Pada masa ini jawatan itu dipegang oleh warganegara asing yang bukan dari warganegara Singapura. Kementerian saya difahamkan, tidak ada rancangan untuk mengisi jawatan tersebut dengan rakyat Singapura. Oleh itu, sangkaan Ahli Yang Berhormat itu adalah tidak benar.

TAMAN NEGARA ENDAU-ROMPIN

12. Dato' Dr Wee **Khoon Hock** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan Johor telah bersetuju menguntukkan seluas 120,525 ekar tanah di Endau sebagai tapak Taman Negara, sama ada Kerajaan pusat telah menghubungi Kerajaan Pahang untuk memperuntukkan seluas 96,000 ekar tanah di Rompin, Pahang bagi menjadi bahagian kedua "Taman Negara Endau-Rompin" dan nyatakan bilakah Rang Undang-undang Taman Negara akan dapat dikemukakan dalam Parlimen.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Saya ucapkan terima kasih di atas minat Yang Berhormat Senator dalam hal-hal pengekalan (conservation). Sukacita saya menyatakan bahawa Kementerian saya telahpun mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan Negeri Pahang bagi mendapatkan satu kawasan tanah di Daerah Rompin untuk dijadikan sebahagian daripada Taman Negara Endau-Rompin.

Perundingan itu adalah menggalakkan dan mencerminkan kawasan yang berkenaan di-
jadikan rezab untuk Taman Negara Endau-Rompin.

Berkenaan dengan Rang Undang-undang Taman Negara pula, Rang Undang-Undang berkenaan telah diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam persidangan yang lepas dan sekarang dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Bil. DR. 26/79.

SEKOLAH ASRAMA PENUH

13. Dr Choo Kooi Fook minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan asrama-asrama tumpangan yang diselenggarakan oleh Kementerian Pelajaran dan komposisi-komposisi mengikut kaum di asrama-asrama itu dan nyatakan dasar Kementerian atas kemasukan pelajar-pelajar ke dalam asrama-asrama itu.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam): Kementerian Pelajaran mempunyai 3 Kategori Asrama:

- (a) Asrama bagi sekolah-sekolah berasrama penuh yang pada masa ini berjumlah 19 buah. Asrama ini khas untuk Sekolah-sekolah Berasrama Penuh sahaja. Biasanya Sekolah Berasrama Penuh memberi kemudahan asrama sepenuhnya kepada semua penuntutnya.
- (b) Asrama bagi sekolah-sekolah biasa yang pada masa ini berjumlah 165 buah. Kemudahan di asrama ini hanya diberikan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan penginapan kerana mereka datang dari tempat yang jauh dari sekolah tempat mereka menuntut.
- (c) Asrama-asrama Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Sekolah-sekolah Menengah Vokasional yang beri kemudahan asrama kepada sekurang-kurangnya 50% daripada bilangan penuntut.

Pelajar-pelajar yang dipilih ke Sekolah Berasrama Penuh dengan sendirinya diberi penginapan di asrama. Penempatan pelajar-pelajar di Sekolah Berasrama Penuh dan seterusnya di lain-lain asrama adalah berdasarkan keperluan bagi memenuhi objektif Dasar Ekonomi Baru. Sesuai dengan ini pengambilan pelajar-pelajar adalah bertujuan untuk memperseimbangkan bilangan

pelajar-pelajar Bumiputra di Institiut Pengajian Tinggi. Disamping itu pelajar-pelajar Bukan Bumiputra dari kawasan-kawasan luar bandar dan keluarga miskin adalah juga dipilih masuk ke Sekolah-sekolah Berasrama Penuh. Semua pelajar-pelajar ini sama ada Bumiputra atau Bukan Bumiputra adalah diberi kemudahan-kemudahan asrama.

Pada masa ini kadar kemasukan pelajar-pelajar ke Sekolah Berasrama Penuh ialah Bumiputra 90% dan Bukan Bumiputra 10%, kecuali Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kolej Tunku Khursiah dan Kolej Islam yang semua pelajar-pelajarnya mestilah terdiri dari pelajar-pelajar Bumiputra Islam.

Asrama-asrama bagi sekolah-sekolah biasa (Kategori (b)), biasanya diletakkan dibawah pentadbiran sekolah-sekolah menengah bukan Sekolah Berasrama Penuh. Bilangan penghuni asrama ini biasanya dari 100 orang hingga 200 orang, kecuali Sekolah-sekolah Menengah Teknik dan Sekolah-sekolah Vokasional yang asramanya boleh memuatkan dari 300 orang hingga 400 orang pelajar. Komposisi kaum tidak dapat ditentukan kerana pemilihan untuk mendapat kemudahan asrama di sekolah-sekolah tersebut adalah berdasarkan kepada keperluan pelajar-pelajar dari sekolah-sekolah tersebut.

PERMOHONAN PERMIT MASUK KE MALAYSIA

14. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa sebelum permohonan permit masuk diluluskan isteri-isteri warganegara Malaysia yang berasal dari luar negeri hanya diberi pass lawatan untuk selama 6 bulan sahaja apabila mereka melawat suami-suaminya di Malaysia.

Menteri Ha! Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Saya telah pun menjawab soalan yang serupa di Dewan ini pada 11hb Disember, 1979 lalu. Saya tidaklah berhajat untuk menambah lagi.

SUKAN NEGARA—MENINGGIKAN MUTU BADMINTON

15. Tuan Ismail bin Sheikh Ibrahim minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangi kepada kemerosotan

mutu sukan negara kita pada masa sekarang, sama ada Kerajaan membuat sesuatu usaha untuk memperbaiki keadaan ini khususnya dalam lapangan badminton dan bolasepak yang menjadi keagungan Malaysia pada masa lampau.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Haji Abdul Samad bin Idris): Soalan yang sama telah dijawab pada 11-4-1979 bagi pertanyaan yang Berhormat Tuan V. V. Abou.

PERMOHONAN PERMIT MASUK KE MALAYSIA

16. Tuan T. S. Gabriel minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa beribu-ribu permohonan oleh warganegara Malaysia untuk mendapat permit masuk ke Malaysia isteri dan keluarga mereka telah ditolak oleh Kerajaan; jika ya, nyatakan sebab-sebabnya serta syarat-syarat yang wajib dipatuhi semasa permohonan dibuat.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Soalan yang serupa telah saya jawab di Dewan ini pada 11hb Disember, 1979 lalu. Saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa lagi.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Masyuarat dibacakan bagi menyambung semula Perbahasan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (9hb Januari, 1980).

Tuan Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

3.35 ptg.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan hari yang keempat kita membincangkan Rang Undang-undang ini dan saya rasa sudah cukuplah masa diberi kepada tiga Rang Undang-undang ini. Begitu

banyak hari kita membincangkan Rang Undang-undang ini membuktikan betapa seriusnya pandangan yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator-senator terhadap soal makanan, dadah, ubat-ubatan dan keselamatan serta kesihatan rakyat kita. Saya bagi Kementerian Kesihatan dan rakyat sekalian mengucapkan banyak-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Dalam perbahasan kelmarin, beberapa Ahli Yang Berhormat telah menimbulkan masalah bahasa yang digunakan di dalam Rang Undang-undang kita. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat yang mempunyai bahasa kita sendiri, tidak siapapun boleh menyoal bahawa bahasa kita patut digunakan di dalam apa jua bidang. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Rang Undang-undang yang telah dibentangkan yang tidak menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa di dalam Rang Undang-undang ini mungkin timbul daripada workload ataupun beban kerja begitu banyak yang dihadapi oleh pihak Pejabat Peguam Negara di dalam menterjemah Rang Undang-undang yang begitupun banyak dan juga teknikal sungguhpun sepertimana kata Ahli Yang Berhormat saudara saya Senator Kamarul Ariffin kelmarin ianya sudah mengambil masa 12 tahun. Tetapi saya yakin usaha-usaha memang ada dibuat oleh Kementerian ini untuk memenuhi hasrat yang disarankan oleh Ahli Yang Berhormat sekalian.

Insyallah, saya akan membisikan kepada Yang Berhormat Menteri Undang-undang perkara-perkara yang telah dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka mengambil peluang sedikit untuk memberi penjelasan tentang masalah ini. Ada dua jenis Rang Undang-undang yang dibentangkan di dalam Parlimen iaitu Rang Undang-undang untuk mengadakan satu akta baru dan Rang Undang-undang untuk meminda satu Undang-undang yang sedia ada. Rang Undang-undang untuk akta baru disediakan dalam dua naskhah bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Naskhah Bahasa Kebangsaan bagi rang undang-undang semacam ini adalah keseluruhannya dalam Bahasa Kebangsaan

Rang Undang-undang untuk meminda satu undang-undang yang sedia ada juga di dalam dua teks bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Jika undang-undang itu yang dipinda itu ada teksnya di dalam Bahasa Kebangsaan maka teks Bahasa Kebangsaan bagi undang-undang yang dipinda itu adalah juga keseluruhannya di dalam Bahasa Kebangsaan, tetapi jika undang-undang itu yang dipinda itu, undang-undang yang dibuat sebelum berkuatkuasanya Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan oleh kerana itu tidak ada teks Bahasa Kebangsaan maka teks Bahasa Kebangsaan bagi rang undang-undang pindaan akan menggunakan bahasa Inggeris yang tidak dapat dielakkan seperti dalam kes yang berlaku ini. Ini adalah wajar dan sebagai contoh jika pindaan yang diperlukan itu melibatkan penambahan beberapa perkataan kepada peruntukan yang ada dan peruntukan itu terdapat di dalam bahasa Inggeris sahaja maka tidak mungkin ditambah perkataan-perkataan dalam Bahasa Kebangsaan kepada peruntukan dalam bahasa Inggeris itu.

Berpaling pula kepada masalah mengadakan terjemahan dalam Bahasa Kebangsaan bagi Undang-undang yang wujud sebelum 1967/1968 saya ingin menjelaskan bahawa sehingga sekarang Jabatan Peguam Negara yang bertanggungjawab bagi menyediakan teks dan terjemahan Undang-undang di dalam Bahasa Kebangsaan ianya dapat menumpukan tenaganya kepada menterjemahkan Undang-undang baharu atau Undang-undang semasa yang dibuat selepas berkuatkuasanya Akta Bahasa Kebangsaan 1967 dan yang dikehendaki oleh Akta tersebut supaya dibuat dalam dua bahasa iaitu Bahasa Kebangsaan dan bahasa Inggeris. Namun demikian, Tuan Yang di-Pertua, beberapa buah Undang-undang sebelum 1967 dan 1968 sudahpun diterjemahkan. Jabatan Peguam Negara sedang berusaha ke arah membesarkan bahagian yang bertanggungjawab bagi menyediakan teks dan terjemahan undang-undang dalam Bahasa Kebangsaan supaya dapat ditubuhkan satu unit khas yang akan memberi tumpuan sepenuhnya kepada usaha menterjemahkan undang-undang lama itu,

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad telah antara lain, meminta supaya enforcement officers ataupun pegawai-pegawai penguatkuasa yang

akan diberi kuasa ini tidak akan menyalahgunakan kuasanya. Inginlah saya menyatakan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa yunit pencegahan ini akan mengawal penyalahgunaan ubat-ubatan dan akan menjalankan tugasnya dengan penuh tanggungjawab, insya Allah bagi pihak Kementerian kita akan mengawal dan meneliti masalah ini dan jika sekiranya sesiapa juga pihak penguatkuasa ini menyalahgunakan kuasa yang diberi oleh Parlimen kepada mereka, tindakan yang sewajarnya akan diambil. Ahli Yang Berhormat juga telah mencadangkan apalah kiranya kuasa yang sama diberi kepada sukarelawan seperti PEMADAM dan sebagainya dengan tujuan yang baik iaitu bagi membantu mencegah penyalahgunaan racun. Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat kerana tujuannya adalah baik iaitu hendak menolong saya rasa kalaulah mereka itu hendak memberi pertolongan kepada enforcement officers ini memang boleh iaitu dengan memberikan segala maklumat yang perlu kepada pegawai-pegawai penguatkuasa ini supaya dapat mereka menjalankan tugas mereka dengan lebih berkesan lagi. Oleh kerana pegawai-pegawai penguatkuasa (enforcement officers) ini merupakan pegawai-pegawai yang betul-betul terlatih dan mempunyai pengetahuan dan pengalaman di dalam bidang ubat-ubatan iaitu mereka adalah apa yang digelar dalam bahasa Inggeris, very familiar with and knowledgeable mengenai drug dan ubat-ubatan bukan sahaja dari namanya tetapi juga daripada rupa bentuknya dan lain-lain lagi yang ada di dalam pasaran kita pada masa ini supaya dengan cara begini dapat mereka mengesahkan (enforcement) kepada pengimpot-pengimpot penjual-penjual dan pengguna-pengguna ini.

Tuan Yang di-Pertua, kelmarin Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Arshad juga meminta supaya mereka yang ditangkap itu jangan dijel tetapi hantarkan ke Pusat Pemulihan Dadah. Ini perkara lain, Tuan Yang di-Pertua, bukan penyalahgunaan dadah seperti yang ditolong oleh PEMADAM.

Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik telah menyoalkan Fasal 5 dalam Seksyen 27 dalam Rang Undang-undang ini iaitu masalah joint conviction kepada pengarah-pengarah corporate body. Kalau kita lihat dalam Rang Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua, kuasa atau power untuk men-

dakwa (charge) seseorang pengarah ataupun pegawai di dalam badan seperti ini adalah discretionary iaitu may be charged. Jika sekiranya pihak berkuasa mempunyai evidence ataupun bukti-bukti yang cukup bahawa mereka patut didakwa ini akan dibuat dan mereka bolehlah dibebaskan kalau pengarah-pengarah ini dapat membuktikan bahawa mereka itu adalah tidak bersalah ataupun innocent.

Beliau juga telah menyebut penggunaan dadah di dalam rawatan manusia. Ini memang ada, Tuan Yang di-Pertua, seperti morphine dan pethidine digunakan untuk mengurangkan kesakitan kepada seseorang pesakit tetapi ianya digunakan oleh orang-orang yang tertentu orang-orang yang mempunyai pengetahuan mempunyai pengalaman atas kegunaan ubat-ubatan seperti itu iaitu doktor-doktor, mereka yang telah terlatih di dalam bidang perubatan dan ianya tidak boleh digunakan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab.

Yang Berhormat Senator Haji Mohd. Amin telah menyoalkan sama ada boleh atau tidak mengharamkan langsung kita membawa masuk dan menjual racun ini, kalau dapat hapuskan terus kecuali mereka yang diberi tauliah ataupun diberi kuasa berbuat demikian. Memang ada Undang-undang ini, Tuan Yang di-Pertua bahkan ia sedang dijalankan iaitu pengimportan dan juga penyimpanan, penggunaan ubat-ubatan seperti racun ini memang dikawal, hanya mereka yang mempunyai lesen yang tertentu boleh mengguna, menyimpan atau mengimport ataupun menjual, membekalkan racun-racun seperti ini umpamanya pharmacist yang berdaftar, begitu juga doktor-doktor yang boleh membuat preskripsi. Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, saya pernah menyatakan di dalam Dewan ini banyak inspection dan juga serbuan-serbuan telah dibuat kepada kedai-kedai penjual-penjual tertentu yang didapati menjual racun yang mana mereka tidak mempunyai lesen untuk menjual, mereka itu telahpun ditangkap dan didakwa di mahkamah.

Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah bertanya, minta penjelasan tentang sikap Kementerian ini terhadap doktor-doktor yang juga menyimpan ubat-ubatan merupakan racun dan mencadangkan supaya doktor-doktor ini hanya memberi

preskripsi dan ubat-ubatan itu boleh diambil di pharmacy-pharmacy sepertimana yang dijalankan di negara-negara yang maju. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, cadangan ini memanglah baik bahkan saya sendiri pernah membincangkan dengan pihak pharmacists dan doktor-doktor dengan cara tidak rasmi (informal discussion) tetapi kita menghadapi satu dua masalah (obstacle). Umpamanya di negara kita di Malaysia ini bilangan pharmacist kita belum mencukupi, jika sekiranya kita membuat satu undang-undang katakanlah supaya it is mandatory for every prescription dibawa kepada dispensary ataupun pharmacy. Saya rasa kalau kita hendak melaksanakannya mungkin susah sedikit, oleh kerana kalau di bandar-bandar besar seperti Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Ipoh, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu mungkin dapat kerana cukup pharmacy dan apabila seseorang pharmacist itu membukakan businessnya mungkin ianya hendaklah merupakan satu economic venture yang viable. Tetapi jika sekiranya benda ini berlaku di kawasan-kawasan yang jauh daripada bandar-bandar besar, tidak cukup orang umpamanya dan ini mungkin menyukarkan pihak pharmacist dan mungkin tidak ada pihak-pihak pharmacist mahu membuka farmasi-farmasi seperti ini yang mungkin menyusahkan juga orang mendapat ubat. Walau bagaimanapun, saya rasa memang ada baiknya jikalau beberapa orang doktor private di dalam negara kita ini mahu mencuba, take the lead, membuat demikian dan berunding dengan pharmacists itu, saya rasa memang ada baiknya kerana apabila seorang doktor itu mengadakan farmasi ataupun dispensarinya sendiri adalah susah juga, terpaksa merekodkan ubatnya, menyimpankan ubatnya mengikut peraturan-peraturan Ordinan Racun dan juga terpaksa menggaji seorang dispenser dan lain-lain lagi. Walau bagaimanapun, perkara ini insya Allah kita akan kaji lagi.

Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock telah menyoalkan tentang kuasa yang diberi kepada Pegawai Penguatkuasa ini dan beliau telah bertanya dalam Fasal 4, Seksyen 26 (7) mengenai 'thumbprint' dan Seksyen 26 (8) mengenai kuasa yang diberi kepada Inspector dan Senior Customs Officer. Sebagai seorang Ahli Yang Berhormat yang bertanggungjawab tentang kesihatan rakyat dan kepentingan rakyat memang sudah patut beliau menyoalkan masalah ini dan minta serba sedikit penjelasan. Saya difahamkan

apa yang digunakan di sini tidaklah berbeza dengan apa yang diadakan dalam Penal Code. Masalah thumbprint ini hanya bagi menentukan bahawa orang yang membuat statement itu sebenar-benarnya orang itu dan biasanya kalau kita lekatkan thumbprint itu kita tulis left ataupun right thumbprint of si anu-si anu dan ini hanya dikehendaki kepada orang yang illiterate. Jadi statement itu was made by that particular person, selepas dia buat statement itu kita tulis, selepas itu dibaca pula kepadanya. Saya rasa ini tidak perlu kita meragukan jikalau sekiranya seorang pegawai itu menyalahgunakan kuasanya tindakan sewajarnya boleh diambil. Benda ini kita tegor, sampai ke mana, tak ada hujungnya sehingga Hakim pun kadang-kadang kita menyoalkan betulkah tidak keputusan yang dibuat oleh Hakim itu.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Apa yang saya katakan kelmarin itu bukan berkenaan thumbprint sahaja, berkenaan orang buta huruf juga. Orang buta huruf itu mungkin dia tidak faham apa yang dibaca atau ditulis oleh pegawai itu. Bila dia tak berapa faham dia memberi thumbprint (cap jari) juga. Jadi apa jaminan orang itu akan dapat supaya tidak disalah dendakan di mahkamah?

Dr Suleiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia buta huruf dia tidak pandai baca dan menulis tetapi dia pandai mendengar apa yang dikatakan itu. Saya rasa ini tidak menjadi masalah besar, Tuan Yang di-Pertua.

Begitu juga mengenai

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Minta jalan. Dia tak tahu membaca, tak tahu menulis tetapi tahu mendengar. Tetapi sekiranya dibacakan oleh pegawai itu, tetapi pegawai itu bukannya Magistrate, seperti pegawai-pegawai lain sahaja, jadi apa yang didengarnya itu dan apa yang dibacanya boleh jadi tak betul, jadi orang itu pakai sign buta sahaja atau cap jari buta sahaja. Bolehkah begitu?

Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kalau tak bersetuju dengan apa yang dia dengar bermakna statement itu berlainan daripada apa yang dia buat, dia tidak perlu meletakkan thumbprint.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai keraguan Yang Berhormat tentang Fasal yang sama, iaitu seksyen-kecil (8) tadi saya hendak baca sedikit:

"(8) When any Drug Enforcement Officer, any police officer not below the rank of Inspector or any Senior Customs Officer has reasonable cause to believe that an offence under this Ordinance or any regulation made thereunder has been or is being committed"

dan juga,

". . . . in case of obstruction or resistant break open any outer or inner door of such premises

Saya rasa di sini ada maknanya, jikalau dalam Undang-undang ini dikatakan "not below the rank of Inspector", begitu juga "Senior Customs Officer". Ini membuktikan bahawa kita tidak beri pada sebarang orang yang rendah daripada pangkat Inspector dan pangkat Senior Customs Officer kerana kita anggap orang yang kanan seperti ini kita haraplah mereka lebif bertangjawab.

Begitu juga masalah pemecahan premises ini, Tuan Yang di-Pertua, "may, in case of obstruction", bermakna kalau orang itu tidak menegahkan seorang Enforcement Officer itu hendak masuk dalam rumahnya, iaitu dia buka sahaja pintu tidak perlu dia pecah dan ini tidak membuat kerugian kepadanya. Apa ditakutnya kalau dia tak salah, membiar membukakan pintu, membukakan laci dan apa juga, saya rasa perkara ini tidaklah begitu merbahaya. Walau bagaimanapun, saya cukup menghargai kebimbangan Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock atas masalah ini dan saya mengucapkan ber-banyak terima kasih.

Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan saya dalam beberapa perkara yang telah dikembalikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih dan kepada teguran mereka yang tidak dijawab itu insya Allah, apabila kita dapat Hansard nanti kita kajikan pandangan mereka, mana yang baik itu kita ambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

Fasal 1 hingga 6 diperintahkan meniadai sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG PENCEN

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Menferi Tak Berpotfolio (Datuk Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Pecen yang diberi nama Akta Pecen 1979 adalah pada dasarnya digubal dengan tujuan untuk melaksanakan secara kuatkuasa undang-undang sekim pecen di bawah C.C.R. bagi pegawai-pegawai dan kakitangan perkhidmatan awam yang telah memilih tanggajaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru Kabinet. lanya juga adalah untuk menyatakan undang-undang yang berasingan sekarang yang terdapat di negeri Sabah, negeri Sarawak dan Semenanjung Malaysia. iaitu Ordinan Pecen (Sabah) 1963 Ordinan Pecen (Sarawak) Bab 89 dan Ordinan Pecen 1951.

Seperti yang termaklum bahawa sehingga sekarang perkara pentadbiran pecen untuk pegawai-pegawai serta kakitangan perkhidmatan awam di Malaysia adalah dilakukan dengan undang-undang yang berasingan yang sebenarnya adalah merupakan undang-undang lama yang telah wujud sejak pemerintahan penjajah British lagi. Apabila C.C.R. telah dilaksanakan di negeri Sabah dan Sarawak baru-baru ini, maka perlulah undang-undang pecen yang sedia ada di negeri-negeri itu dipinda sewajarnya untuk

menyesuaikan dengan perakuan-perakuan seperti yang terdapat di dalam C.C.R. Ordinan Pecen 1951 untuk Semenanjung Malaysia telah dipinda sewajarnya apabila C.C.R. dilaksanakan dalam tahun 1978. Juga adalah difikirkan anih sedikit dalam mana didapati tiga Undang-undang Pecen yang berasingan bagi seluruh Malaysia, sedangkan tanggungjawab mengenai pentadbiran dan pembayaran pecen bagi semua pegawai-pegawai dan kakitangan awam di Malaysia adalah menjadi tanggungjawab Kerajaan Persekutuan. Oleh hal yang demikian, apabila urusan dimulakan untuk meminda Undang-undang Pecen yang dipakai di Sabah dan di Sarawak untuk melaksanakan perakuan C.C.R. mengenai pecen, maka kesempatan telah diambil sewajarnya untuk menggubal hanya satu undang-undang sahaja mengenai pecen untuk dipakai bagi seluruh Malaysia. Dengan adanya satu undang-undang bagi seluruh Malaysia, secara langsung juga ini adalah memberi makna yang sebenarnya kepada matlamat dan tujuan negara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penggubalan undang-undang baru ini juga kesempatan telah diambil untuk melaksanakan dua perkara yang agak penting iaitu pertamanya untuk memperbaiki undang-undang itu dari segi memudahkan rujukan dan bahasa yang digunakan. Seperti yang termaklum bahawa Undang-undang Pecen yang sedia ada sekarang ini memanglah didapati sukar untuk difahami apabila dibaca dan oleh itu mengikut amalan, telah mendatangkan beberapa kesulitan dalam mentadbirkannya. Urusan penggubalan undang-undang baru ini telah dibuat dengan tidak mengurangkan atau meluputkan faedah-faedah yang diperuntukan kepada pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan Kerajaan yang tertakluk kepada undang-undang yang lama itu.

Yang keduanya pula ialah untuk mengkaji semula prinsip-prinsip yang tertentu dengan tujuan untuk memperbaiki lagi prinsip-prinsip itu supaya ianya lebih bersesuaian dengan keadaan sekarang. Dalam hubungan ini adalah perlu bagi saya untuk menyaitkan bahawa sejak wujudnya Undang-undang Pecen yang terdapat berasingan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia itu tidak ada tindakan yang telah diambil untuk mengkajinya serta prinsip-prinsip yang digunakan. Pindaan-pindaan yang telah dibuat

hanyalah berikutan daripada penyesuaian kepada perubahan faktor perkiraan pecen serta konsep tentang perkara-perkara yang tertentu sahaja. Walau bagaimanapun ingin saya menegaskan di sini bahawa dalam perubahan beberapa prinsip yang difikirkan penting daripada undang-undang yang lama itu, ianya pula tidak menjejaskan sama sekali segala hak-hak dari segi kelayakan pegawai dan kakitangan Kerajaan di Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia terhadap segala faedah-faedah persaraan yang mereka sekarang layak untuk menerimanya di bawah undang-undang lama itu. Sebaliknya, prinsip-prinsip baru yang digunakan di dalam undang-undang baru ini adalah akan memberi menafaat yang lebih kepada mereka di samping ianya dianggap lebih realistik kepada keadaan yang terdapat di negara sekarang ini.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyata serta menghuraikan perkara-perkara yang terdapat di dalam undang-undang yang baru ini yang saya bentangkan dengan lebih lanjut sedikit.

(i) *Pengurniaan taraf berpecen (Fasal 7)*

Ini adalah satu konsep baru yang sebenarnya hanya untuk melaksanakan perakuan C.C.R. Jika dahulunya taraf berpecen seseorang kakitangan Kerajaan itu adalah semata-mata bergantung kepada jawatan yang dipegangnya yakni jawatan itu mestilah diisytiharkan sebagai berpecen dan kakitangan itu dikehendaki apa yang dikatakan 'diletakkan ke dalam perjawatan yang berpecen'. Maka sekarang ini proses demikian tidaklah lagi perlu dan sama ada seseorang itu boleh memperoleh taraf berpecen atau tidak, adalah tertakluk kepada perkhidmatanya yang boleh diambil kira untuk faedah-faedah pecen dengan syarat bahawa perkhidmatan itu mestilah tidak kurang daripada 10 tahun. Dalam perkara ini tidak dikira jawatan yang dipegang dan tidak dikira kalau perkhidmatan itu sementara ataupun tetap asalkan kakitangan berkenaan memenuhi syarat-syarat yang ditentukan di dalam C.C.R., maka beliau itu setelah disahkan dalam jawatannya dan berkhidmat tidak kurang daripada 10 tahun, bolehlah diberi taraf berpecen.

(ii) *Umur wajib bersara (Fasal 10 (1), (2) (3) dan (4))*

Di dalam undang-undang yang sedia ada sekarang, sungguhpun diperuntukkan umur bersara wajib adalah 55 tahun, tetapi persaraan seseorang itu pada umur tersebut tidaklah berlaku secara automatik. Seseorang pegawai ataupun kakitangan itu boleh terus berkhidmat walaupun melebihi umur 55 tahun, jika ianya tidak dikehendaki bersara atau pun tidak diberi notis untuk bersara. Ini adalah dianggap sebagai satu kelemahan dalam peruntukan undang-undang yang boleh dan pernah menimbulkan penyelewengan oleh pihak tertentu dan kebiasaannya alasan yang telah diberi adalah bahawa kes berkenaan telah terlepas pandangan.

Undang-undang baru yang disyorkan ini adalah mewajibkan persaraan mengikut perjalanan undang-undang (by operation of law). Dengan cara ini difikirkan ianya bukan sahaja akan mengurangkan kos kepada Kerajaan dari segi meringkaskan tindakan dengan tidak perlu lagi memberi notis kepada setiap kes pesara, tetapi juga akan membuat kakitangan-kakitangan sedar hakikatnya supaya mereka tidak ragu lagi dalam membuat perancangan persaraan mereka sebelum meningkat umur bersara wajib tersebut. Walau bagaimanapun, pengecualian daripada syarat demikian telah dibuat apabila tindakan tatatertib ke atas seseorang pegawai atau kakitangan yang menjelang umur 55 tahun dapat diteruskan dan ini telah diperuntukkan sewajarnya untuk membolehkan perkhidmatan pegawai berkenaan dilanjutkan walaupun sehingga melampau umur 55 tahun, tetapi atas cuti tidak bergaji. Peruntukan seperti ini adalah penting oleh kerana seseorang pegawai atau kakitangan Kerajaan yang melakukan kesalahan yang besar, tidaklah patut terlepas dengan begitu sahaja daripada kesalahannya, semata-mata kerana peraturan tatatertib di bawah Perintah Am Bab "D" terpaksa berlanjutan dan oleh itu tidak boleh berkuatkuasa ke atas seseorang pegawai atau kakitangan yang telah melebihi umur bersara.

Pengecualian juga adalah perlu bagi kes-kes seperti berikut:

(a) bagi Setiausaha Dewan Rakyat dan Dewan Negara kerana umur wajib bersara menurut Perlembagaan ialah 60 tahun;

(b) untuk memberi masa kepada pihak berkuasa negeri Sabah dan Sarawak mengarahkan supaya pegawai-pegawai yang telah melewati 55 tahun agar bersara tidak lewat daripada 6 bulan selepas Rang Undang-undang ini dijadikan Undang-undang; dan

(c) bagi mengakui sahnya persaraan pegawai-pegawai di negeri Sabah dan Sarawak semenjak 1-1-76 walaupun mereka telah mencapai umur lebih 55 tahun pada tarikh persaraan, di atas sebab-sebab masalah perhubungan dan rekod perkhidmatan.

(iii) *Persaraan untuk kepentingan perkhidmatan (Fasal 11 (b))*

Peruntukan untuk membolehkan persaraan dibuat bagi pegawai-pegawai atau kakitangan di atas kepentingan perkhidmatan adalah untuk menambahkan lagi kesan kepada konsep perkhidmatan cemerlang yang telah dilancarkan pada awal tahun lalu. Dengan demikian bagi pegawai-pegawai atau kakitangan Kerajaan yang belum sampai umur untuk bersara secara pilihan sendiri dan Kerajaan memikirkan bahawa mereka tidak boleh lagi memberi perkhidmatan yang baik oleh kerana faktor-faktor yang di luar kawalan mereka, maka Kerajaan boleh mempersarakan mereka itu tetapi dengan syarat bahawa mereka sendiri akan bersetuju untuk dipersarakan. Persaraan ini adalah dengan bayaran pencen serta ganjaran yang layak diterima oleh pegawai atau kakitangan yang berkenaan dengan dilakukan dengan cara tidak menjejaskan nama baik pegawai atau kakitangan itu.

(iv) *Faedah-faedah kecederaan atau pencen kerana kehilangan upaya (Fasal 17)*

Undang-undang Pencen sekarang adalah menghadkan pembayaran ini kepada 2/3 daripada gaji akhir. Adalah difikirkan bahawa amalan sekarang tidaklah wajar kerana dari segi dasar, pembayaran pencen yang hasil daripada perkhidmatan tidaklah seharusnya dicampur aduk dengan faedah-faedah kehilangan upaya akibat daripada kecederaan memandangkan bahawa keduanya dibayar berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang berasingan.

Tuan Yang di-Pertua, maka adalah dengan kesedaran seperti di atas bahawa undang-undang baru mengenai perkara ini

mengandungi peruntukan supaya faedah pencen perkhidmatan dan faedah kecederaan dibayar sepenuhnya menurut kadar yang ditetapkan dengan tidak menghadkan jumlahnya. Ini adalah difikirkan adil dan saksama kerana saya tidak percaya ada sesiapa yang mencederakan dirinya dengan sengaja hanya untuk mendapatkan pencen berkenaan.

Tiap-tiap kecederaan yang berlaku adalah oleh kerana takdir Tuhan.

(v) *Pencen tanggungan (Fasal 18)*

Rang Undang-undang yang baru ini juga mengandungi peruntukan supaya pencen tanggungan dibayar sebagai tambahan kepada pencen terbitan.

Dalam perkara ini, ingin saya menyatakan apabila seseorang kakitangan itu meninggal dunia semasa berkhidmat atas apa sebab sekalipun orang-orang tanggungannya telah sedia layak untuk mendapat pencen terbitan yang bersamaan dengan pencen perkhidmatan bagi tempoh tidak melebihi 121/2 tahun. Jikalau kematian kakitangan berkenaan disebabkan oleh kecederaan kerana menjalankan tugas, maka sepatutnya ada unsur pampasan di samping pencen terbitan bagi faedah orang-orang tanggungannya yang masih hidup.

Jikalau dikaji semua latar belakang mengenai pencen tanggungan dan pencen terbitan adalah didapati bahawa pencen tanggungan memang telah sedia ujud sebelum pencen terbitan dilaksanakan di bawah Laporan Suffian. Apabila pencen terbitan dijujudkan soal sementara ianya merupakan tambahan kepada faedah-faedah yang sedia ada nampaknya telah tidak diberi perhatian yang sewajarnya. Hanyalah setelah undang-undang dipinda Laporan Suffian dilaksanakan barulah difikirkan tentang masalah yang terbit dan dengan secara senang sahaja masalah itu diatasi secara pentadbiran.

Tuan Yang di-Pertua, dengan demikian ini telah mendatangkan banyak implikasi yang diantaranya adalah seperti berikut:

- (a) Faedah yang diberi tidak mencerminkan sebarang pampasan-ke atas kecederaan yang menimpa kakitangan berkenaan hingga menyebabkan kematiannya. Di bawah tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan CCR, orang-orang tanggungan telah sedia

layak menerima pencen terbitan tidak kurang daripada 1/5 gaji akhir pegawai atau kakitangan yang berkenaan walaupun di dalam kes-kes kematian biasa;

- (b) Terdapat pelanggaran prinsip mengenai kelayakan menerima pencen terbitan bagi tempoh permulaan selama 121/2 tahun oleh kerana seseorang yang layak untuk mendapat pencen tanggungan tidak semestinya layak untuk mendapat pencen terbitan. Misalnya ibu dan bapa simati adalah layak untuk dipertimbangkan pencen tanggungan menurut kadar yang ditetapkan dalam Peraturan-peraturan Pencen 1957, tetapi tidak pula pencen terbitan. Oleh kerana pencen yang dibayar dalam tempoh 121/2 tahun selepas tarikh kematian seseorang kakitangan itu tidak seharusnya terkurang daripada pencen terbitan, maka sebarang pembayaran yang dibuat daripada jumlah pencen berkenaan kepada ibu bapa si mati, adalah akibatnya menyusutkan pencen terbitan yang dibayar kepada balu dan anak-anak si mati. Padahal menurut undang-undang mereka itu telah sedia layak untuk mendapat pencen terbitan atas kadar yang bersamaan dengan pencen yang dibayar kepada kakitangan semasa bersara.

Seperti juga dengan pencen kehilangan upaya maka pencen tanggungan juga hendaklah dianggapkan sebagai satu unsur pampasan dan oleh yang demikian dibayar berasingan daripada pencen terbitan. Oleh itu sebagai satu ansur pampasan ianya hendaklah dianggapkan sebagai tambahan kepada pencen terbitan yang timbul kerana khidmat yang telah diberi oleh pegawai-pegawai atau kakitangan berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cara ini sahajalah dapat dibezakan secara adil dan saksama di antara faedah yang diberikan kepada orang-orang tanggungan kakitangan yang meninggal dunia, iaitu sama ada kematiannya disebabkan keadaan tugas yang dilaksanakan, ataupun sebagai kematian biasa. Lagipun prinsip yang disyorkan ini akan dapat mengelakkan daripada keadaan yang lebih menyulitkan apabila kakitangan berkenaan juga adalah seorang pekerja di bawah "The Workmen's Compensation Ordinance, 1952".

(vi) *Pembayaran oleh kerana kemalangan perjalanan*

Tuan Yang di-Pertua, Undang-undang Pencen baru ini juga ada memperuntukkan supaya dipanjangkan juga bayaran pencen kehilangan upaya dan pencen tanggungan kepada pegawai-pegawai atau kakitangan-kakitangan yang terlibat dalam semua kemalangan perjalanan, sama ada berlakunya semasa menjalankan tugas rasmi ataupun tidak. Kerajaan adalah memikirkan peraturan sekarang bukan sahaja telah mendatangkan banyak kesulitan dari segi pentadbiran tetapi juga tidak mendatangkan menafaat kepada pegawai-pegawai dan kakitangannya. Tiap-tiap kecederaan yang telah berlaku disebabkan perjalanan adalah sukar untuk diperbezakan, sama ada pegawai atau kakitangan itu telah menggunakan kenderaan untuk menjalankan tugasnya ataupun di atas sebab-sebab persendirian. Seperti yang saya telah nyatakan, dari segi pelaksanaan, peraturan-peraturan yang sedia wujud sekarang telah banyak menimbulkan kesulitan kerana tiap-tiap tuntutan yang dibuat akibat kecederaan yang telah berlaku di dalam perjalanan perlu disiasat untuk ditentukan sama ada perjalanan yang telah menyebabkan kecederaan itu dibuat di atas tugas-tugas rasmi pegawai atau kakitangan ataupun sebaliknya.

Pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan sebenarnya bolehlah dianggap sebagai bertugas 24 jam sehari dan walaupun di dalam cuti mereka boleh dipanggil untuk bertugas pada bila-bila masa sahaja. Maka oleh yang demikian, adalah difikirkan lebih baik jika perjalanan yang menyebabkan kecederaan yang berlaku itu tidak diperbezakan dan dengan ini akan dapat melicinkan lagi perkara pentadbiran dalam melaksanakan undang-undang pembayaran pencen terbitan atau pencen kehilangan upaya yang telah wujud daripada kecederaan disebabkan perjalanan. Dengan ini sudah tentu memberikan faedah yang lebih besar kepada kakitangan awam.

(vii) *Kadar pampasan bersabit dengan kemalangan kapalterbang kerana menjalankan tugas atau lain-lain kenderaan*

Satu lagi prinsip baru mengenai perjalanan yang sebenarnya terdapat di dalam peraturan dan bukan di dalam Undang-undang Pencen yang dikemukakan ini. Tetapi pada pendapat

saya pointing untuk diumumkan di sini iaitu mengenai pembayaran kadar pampasan yang telah disamakan sama ada bersabit dengan kemalangan kapalterbang ataupun lain-lain jenis kenderaan kerana menjalankan tugas. Menurut peraturan pencen sekarang kadar faedah kecederaan atau pencen terbitan yang dibayar bersabit dengan kemalangan kapalterbang adalah lebih tinggi daripada kadar yang dibayar kepada pesara atau orang-orang tanggungan bersabit dengan kemalangan yang menimpa pegawai atau kakitangan yang berkenaan ketika menaiki kenderaan yang lain dan menjalankan tugasnya. Ini adalah difikirkan tidak begitu wajar oleh kerana kemungkinan seseorang itu menemui kemalangan di jalanraya adalah lebih tinggi jika dibandingkan dengan kemungkinan mendapat kemalangan kapalterbang. Oleh hal yang demikian Kerajaan telah bersetuju supaya kadar faedah yang dibayar bersabit dengan kemalangan kapalterbang dipanjangkan juga untuk meliputi pegawai-pegawai dan kakitangan yang mendapat kemalangan ketika dalam perjalanan dengan menggunakan kenderaan-kenderaan yang lain. Adalah difikirkan perbezaan kadar yang wujud bagi peraturan-peraturan pencen yang lama itu merupakan satu peninggalan dasar zaman penjajahan yang tidak sesuai lagi pada masa ini.

(viii) *Mengambilkira tempoh perkhidmatan dengan angkatan tentera*

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi prinsip yang penting yang telah dipersetujui oleh Kerajaan di dalam perkara pencen ialah untuk mengambilkira perkhidmatan seseorang itu dengan angkatan tentera untuk faedah pencen. Ini sebenarnya adalah dibekalkan dalam Peraturan dan tidak di dalam Undang-undang Pencen yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi sekali lagi saya rasa adalah perlu bagi saya untuk menyatakan untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Dalam perkara ini di bawah tanggungaji dan syarat-syarat perkhidmatan baru Kabinet, seseorang pekerja sekarang adalah layak untuk diambilkira tempoh perkhidmatannya dengan badan-badan berkanun atau kuasa tempatan bahkan juga tempoh perkhidmatannya dengan sekolah mubaligh untuk tujuan pencen. Oleh yang demikian, Kerajaan memikirkan tidaklah wajar sekiranya perkhidmatan dengan angkatan tentera yang sebenarnya adalah salah satu daripada

perkhidmatan awam di bawah Perkara 132 (1) Periembagaan Persekutuan, tidak diambilkira untuk tujuan pencen di bawah sekim pencen perkhidmatan awam sivil.

Semasa dulu perkara ini tidak dipersetujui dengan hujah bahawa skim angkatan tentera adalah ditadbirkan di bawah undang-undang yang berasingan. Kerajaan berpendapat bahawa hujah ini tidaklah boleh dipertahankan lagi kerana skim pencen bagi badan berkanun dan kuasa tempatan juga adalah ditadbirkan di bawah undang-undang yang berasingan. Oleh itu, untuk mengelakkan percanggahan, Kerajaan sekarang telah bersetuju tempoh perkhidmatan dengan angkatan tentera boleh diambilkira untuk tujuan pencen dengan syarat:

- (a) tempoh yang berkenaan adalah tempoh perkhidmatan yang layak diambilkira untuk pencen di bawah Akta Angkatan Bersenjata 1972; dan
- (b) pegawai atau kakitangan berkenaan tidak dibayar pencen perkhidmatan apabila perkhidmatan tenteranya itu ditamatkan.

Dengan adanya peruntukan untuk mengambilkira perkhidmatan dengan angkatan tentera yang saya nyatakan itu maka ini akan menyelaraskan kedudukan dasar Kerajaan mengenai pengambilan semula ke dalam perkhidmatan awam sivil bekas-bekas perajurit yang ditamatkan perkhidmatannya ketika masih di dalam peringkat umur pertengahan.

(ix) *Had Umur bagi kanak-kanak menerima pencen terbitan (Fasal 16-(b))*

Mengikut undang-undang yang sedia ada sekarang hanya kanak-kanak yang berumur 18 tahun ke bawah sahaja yang layak menerima pencen terbitan. Had umur ini sebenarnya telah ditetapkan oleh penjajah dahulu dan telah menjadi had umur yang dianggapkan "standard" sebagai umur yang paling tinggi sekali sebelum seseorang kanak-kanak itu dikatakan tidak lagi menjadi tanggungan kepada ibubapanya. Had umur ini juga adalah dikenakan dalam semua keadaan tidak dikira sama ada kanak-kanak itu boleh mencari nafkahnya sendiri selepas umur 18 tahun atau tidak. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan adalah memikirkan bahawa had umur ini tidaklah realistik atau wajar

dan ianya juga bukan mencerminkan keadaan sebenar atau adat resam orang-orang Malaysia kerana banyak daripada keluarga-keluarga kita di Malaysia ini adalah menanggung saraan hidup kanak-kanak berumur lebih daripada 18 tahun terutamanya kanak-kanak perempuan yang masih belum berumah tangga atau bekerja.

Undang-undang baru ini memperuntukkan had umur kanak-kanak yang menjadi tanggungan dalam keadaan biasa pada 21 tahun. Bagi kanak-kanak yang tidak berkeupayaan mencari nafkah sendiri kerana cacat otak atau cacat anggota, umurnya tidaklah dihadkan dan tertakluk sahaja kepada tempoh tidak melebihi 121/2 tahun. Bagi kanak-kanak yang sedang melanjutkan pelajaran di institusi-institusi pengajian tinggi, had umur juga tidak ditetapkan asalkan tempoh pembayaran selama 121/2 tahun itu dipatuhi.

(x) *Ganjaran /pencen yang tidak sempat diterima oleh pesara kerana meninggal dunia—pembayaran tanpa sural kuasa (Fasal 27)*

Mengikut peraturan yang ada sekarang, ganjaran atau pencen yang tidak sempat diterima oleh seseorang pesara oleh kerana telah meninggal dunia adalah dianggap sebagai harta pesaka. Oleh hal yang demikian, balu dan anak si pasara yang meninggal dunia itu tidak dapat dibayar pencen atau ganjaran itu sehingga surat kuasa diperolehi. Peraturan ini boleh mendatangkan banyak kesulitan kepada balu dan anak-anak si pesara yang telah bersama-sama bergantung kepada pencen dan ganjaran yang telah atau akan diterima oleh si pesara jikalau si pesara itu tidak meninggal dunia. Oleh sebab beberapa perkara, urusan untuk mengambil surat kuasa selalunya memakan masa yang panjang dan oleh yang demikian sementara pencen terbitan dibayar, balu dan anak-anak yang berkenaan terpaksa mencari apa-apa jua punca yang lalu untuk mendapat bantuan kewangan bagi menampung hidup seharian mereka. Perkara ini adalah amat mengecewakan.

Oleh itu Tuan Yang di-Pertua, undang-undang yang baru ini akan membetulkan keadaan itu kerana ganjaran dan pencen tidak akan lagi dianggap sebagai harta pesaka si pesara yang meninggal dunia.

Dengan demikian akan memudahkan pembayaran ganjaran atau pencen yang tidak sempat diterima oleh seseorang pesara itu sebelum tarikh ianya meninggal dunia kepada orang-orang tanggungannya dengan tidak payah menunggu surat kuasa yang dikehendaki di bawah pentadbiran harta pesaka. Dengan ini jua penderitaan orang-orang tanggungan si pesara yang meninggal dunia itu akan dapat banyak dikurangkan.

Tuan Yang di-Petua, perubahan ataupun penyesuaian sebahagian dari prinsip-prinsip seperti yang telah saya huraikan dengan panjang tadi, Kerajaan yakin akan memperbaiki lagi sistem pengurusan pencen pada keseluruhannya. Sungguhpun ianya akan melibatkan implikasi kewangan, tetapi tidaklah dijangka ianya akan menyebabkan tambahan perbelanjaan yang besar dari pihak Kerajaan. Perubahan-perubahan yang mungkin melibatkan tambahan kewangan bagi pihak Kerajaan ialah mengenai peruntukan-peruntukan yang menyentuh soal pampasan bagi pegawai-pegawai dan kakitangan yang terpaksa bersara kerana kecederaan semasa menjalankan tugas atau mereka yang meninggal dunia akibat kecederaan semasa menjalankan tugas ataupun disebabkan perjalanan. Itupun menurut rekod di Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam, semenjak tahun 1972, hanya tiga kes yang melibatkan bayaran faedah-faedah kecederaan sahaja yang telah berlaku, iaitu satu dalam tahun 1972, satu dalam tahun 1975 dan yang akhir sekali berlaku dalam tahun 1977.

Perubahan yang benar-benar melibatkan implikasi kewangan ialah mengenai prinsip yang menggariskan perbezaan di antara pencen terbitan yang berkaitan dengan perkhidmatan dan pencen tanggungan yang berunsur pampasan. Mengikut rekod yang dalam tempoh 3 tahun antara 1.1.76 hingga 31.12.78 hitung panjang ada 20 kes pencen tanggungan setahun dibayar di bawah Ordinan Pencen 1951 yang melibatkan pembayaran purata \$62,000 dan jumlah ini akan meningkat kepada lebihkurang \$91,370 dengan perubahan prinsip seperti di atas. Oleh itu dengan lain perkataan ianya melibatkan tambahan perbelanjaan lebihkurang sebanyak \$29,170 dan jumlah itu purata akan bertambah dari setahun ke setahun sebanyak kadar yang sama sehingga kepada pertengahan tahun 1988 iaitu 121/2

tahun dari tarikh 1hb Januari, 1976. Oleh itu dengan mengambil tahun 1976 sebagai tahun asas, perubahan prinsip tersebut akan melibatkan perbelanjaan tambahan kira-kira \$450,000 dalam tahun 1980 yang termasuk juga tunggakan bagi tahun-tahun 1976 hingga 1979 yang dianggarkan sebanyak \$300,000 dan tambahan perbelanjaan cumulative sebanyak \$150,000 untuk tahun 1980.

Syor-syor perubahan prinsip yang lain yang mungkin melibatkan tambahan kewangan ialah mengenai pengiktirafan tempoh perkhidmatan dengan Angkatan Tentera dan mengubah had umur kanak-kanak yang menerima pencen terbitan/tanggungan dari 18 tahun kepada 21 tahun. Implikasi kewangan pada keseluruhannya tidaklah dapat ditaksirkan kerana ketiadaan maklumat sebagai asas pengiraan tetapi dijangka tidak akan memberi beban tambahan kewangan yang keterlaluan pihak Kerajam

Tuan Yang di-Pertua dalam perkara ini perhatian perlu ditarik bahawa implikasi kewangan tidaklah seharusnya dipandang dari segi "direct cost" sahaja. Dari segi faedahnya pula kepada Kerajaan dan negara perubahan atau penyesuaian dalam prinsip prinsip yang dibuat ini memang akan menjimatkan sebahagian dari perbelanjaan Kerajaan oleh kerana hasilnya boleh melicinkan pengurusan perkara pencen. Di samping itu ianya juga akan memberi galakan kepada semua pegawai dan kakitangan Kerajaan supaya akan lebih bersungguh-sungguh melaksanakan tugas masing-masing walaupun mereka sedar tentang bahaya yang mungkin menimpa diri mereka. Oleh itu dengan perubahan-perubahan yang demikian ianya akan benar-benar menunjukkan keikhlasan dan kejujuran Kerajaan bagi mengiktiraf sumbangan perkhidmatan pegawai dan kakitangan kerajaan terhadap negara.

Yang perlu ditegaskan iaitu Undang-undang Pencen yang baru ini serta beberapa perubahan dan penyesuaian prinsip-prinsip yang telah dipersetujui adalah satu urusan yang benar-benar yunik yang patut boleh dibanggakan oleh semua pihak.

Dalam perkara ini penggubahan Undang-undang Pencen baru yang dikemukakan ini adalah satu langkah yang besar dan yang

bersejarah bagi Kerajaan, yang dibuat oleh Kerajaan semata-mata untuk faedah pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangannya yang telah memberi banyak jasa kepada rakyat dan negara. Undang-undang Pencen yang baru ini juga akan dapat melicinkan lagi urusan dan pentadbiran pencen yang kini memang diakui sebagai satu urusan pentadbiran personnel yang nama Kerajaan Barisan Nasional yang berjiwa rakyat memang sentiasa mengambil berat ke atas perkara-perkara yang ada kaitannya dengan kebajikan rakyat. Adalah dengan hasrat yang demikian, Kerajaan telah memberi tumpuan yang sewajarnya kepada perkara pencen untuk kakitangannya. Dengan adanya pertambahan faedah yang diberikan oleh Kerajaan dalam pembayaran pencen dan pampasan seperti yang saya sebutkan tadi adalah diharapkan pegawai-pegawai dan kakitangan awam akan lebih bersemangat dan penuh minat lagi menjalankan tugas mereka terhadap masyarakat dan negara. Walaupun ianya bukanlah menjadi satu ukuran perkhidmatan tetapi sekurang-kurangnya ia akan memberi harapan masa depan yang baik kepada semua kakitangan Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu sejarah pula inilah pertama kalinya dalam urusan pentadbiran "personnel" di mana Kerajaan telah dapat mengadakan hanya satu peraturan sahaja untuk dipakai bagi semua negeri-negeri di Malaysia yang merangkumi syarat-syarat dan kaedah-kaedah yang sama kepada semua kakitangan Kerajaan, tidak kira di mana mereka berkhidmat, sama ada di Sabah, Sarawak ataupun di Semenanjung Malaysia. Ini sudah tentu akan menambahkan lagi perasaan kekeluargaan di antara rakyat-rakyat Malaysia khasnya kakitangan awam. Ianya juga akan mewujudkan persefahaman dan kerjasama yang penting dalam menjalankan tugas masing-masing dalam urusan mengenai pemberian faedah-faedah persaraan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan Rang Undang-undang Pecen, 1979 dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tuan Law Hieng Ding): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta bagi membuat peruntukan mengenai pentadbiran pencen, ganjaran dan lain-lain faedah bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam dan juga tanggungan mereka dibaca kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.36 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri yang mengemukakan Rang Undang-undang ini bahawa ini adalah satu daripada Rang Undang-undang yang penting yang telah dikemukakan kepada Dewan ini untuk bukan sahaja menyatupadukan para pekerja di serata Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak tetapi juga satu undang-undang yang mengakui perkhidmatan baik, dan saya harap cemerlang, yang diberi oleh kakitangan Kerajaan sendiri. Saya suka memberi tahniah yang setinggi-tingginya kepada Kerajaan yang telah dapat mengadakan Rang Undang-undang sedemikian.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak pernah berkhidmat dengan Kerajaan atau dalam jawatan awam dan tidak mungkin saya akan berkhidmat di dalam Jabatan Kerajaan dan oleh itu bagi saya Undang-undang Pecen ini memanglah rumit. Saya pernah beberapa kali dahulu meneliti Ordinan Pecen 1951 seperti yang telah dipinda beberapa kali dan sudah jelas kepada saya bahawa undang-undang itu sangatlah rumit.

Sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan dengan adanya Rang Undang-undang baru ini maka Undang-undang Pecen diharapkan akan lebih senang dibaca dan dimengerti oleh mereka yang terlibat. Saya tidak tahulah sama ada saya boleh bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri dalam perkara itu kerana saya telah baca Rang Undang-undang ini beberapa kali, masih tidak mengerti lagi. Mungkin seperti saya katakan tadi oleh kerana saya tidak pernah berkhidmat dengan Kerajaan dan pencen tidak menjadi masalah kepada saya, jadi saya tidak mengambil berat.

Tetapi saya suka sebagai Ahli Dewan ini dan saya percaya sahabat-sahabat saya di dalam Dewan ini juga mengetahui dengan

lebih baik, lebih jelas kerana kita mahu membela hak-hak pegawai Kerajaan kita. Kita mahu memperjuangkan apa yang sepatutnya pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang berkhidmat baik dan cemerlang patut mendapatnya. Itu tanggungjawab kita bersama. Kalau kita mahukan satu perkhidmatan awam yang baik sudah tentu kita juga mesti mempertahankan supaya kakitangan Kerajaan, pegawai dan kakitangan biasa mendapat bukan sahaja gaji yang baik tetapi mendapat satu peruntukan yang baik selepas mereka bersara. Dan apa juga peruntukan yang dibuat bagi masa hadapan mereka nanti sungguhpun ini melibatkan banyak belanja negara tetapi rasa saya peruntukan yang dibuat itu adalah adil dan berpatutan.

Kalau firma-firma di dalam swasta boleh membuat peruntukan persaraan bagi pekerja-pekerja mereka sudah tentu pegawai-pegawai Kerajaan dan kakitangan Kerajaan juga perlu mendapat layanan yang tidak kurang baiknya. Setelah saya mendengar huraian yang dibuat oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi maka jelaslah banyak perkara-perkara baru yang telah dimuatkan dalam Rang Undang-undang ini supaya memperbaiki lagi taraf pencen dan ganjaran dan sebagainya yang akan diberi kepada mereka yang terlibat.

Tuan Yang di-Pertua, seperti saya katakan tadi saya telah membaca beberapa kali dalam Rang Undang-undang ini dan saya masih lagi samar-samar dan saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi sedikit penjelasan nanti kepada perkara-perkara yang saya timbulkan. Kalau kita pandangkan di dalam perkara ini, saya kira perkataan "pencen" yang bermacam-macam pencen itu timbul tidak kurang daripada enam jends dan biarlah saya baca satu persatu.

Di bawah Seksyen 3 atau Fasal 3 Rang Undang-undang ini ada disebutkan: pampasan bagi perkhidmatan yang lepas, itu satu tafsiran. Satu lagi pencen; satu lagi, ganjaran; dan satu lagi, atau lain-lain faedah. Jadi kita terpaksa membaca perkara ini hendak mengerti di manakah yang kena pada tempatnya; pampasan bagi perkhidmatan yang lepas—itu satu, pencen satu lagi, ganjaran satu lagi dan satu lagi lain-lain faedah. Jadi, kalau kita lihat pula perkataan "pencen", ini seperti saya katakan tadi tidak kurang daripada enam jenis. Satunya di bawah Fasal 14, ini

digelarkan pencen terbitan (derivative pension); satu lagi pencen hilang upaya (disability pension); di bawah Fasal 18 pula ada disebutkan pencen tanggungan (dependant's pension); di bawah Fasal 22 pula ada disebut pencen perkhidmatan (Service pension); dan di bawah Fasal 22 juga ada disebut pencen gantian tetap dan pencen susutan.

Itu menunjukkan banyak sangat jenis pencen. Jadi saya pun terkeliru. Mujurlah saya tidak menjadi seorang pegawai Kerajaan tetapi kalau saya seorang pegawai Kerajaan rasa saya dalam saya menjalankan tugas-tugas saya. Saya akan fikir apakah pencen yang saya akan dapat nanti, di manakah yang saya boleh mendapat sedikit ganjaran. Di bawah peruntukan apa? Ini menunjukkan begitu susah undang-undang ini. Sungguhpun Yang Berhormat Menteri mengatakan ini akan melicinkan, menyenangkan, mengumpulkan tetapi bagi saya bila saya baca Rang Undang-undang ini saya terpaksa mencari bahan-bahan lain untuk rujukan. Di dalam Rang Undang-undang ini juga ada disebutkan bahawa rujukan mestilah dibuat kepada peraturan yang boleh dibuat di bawah Undang-undang ini. Di bawah Fasal 5 ada disebutkan; "Yang di-Pertuaan Agong boleh membuat peraturan-peraturan bagi maksud Akta ini." Jadi maknanya kita tidak boleh hendak membaca Rang Undang-undang ini sahaja dengan mengerti apakah yang dimaksudkan, terpaksa pula kita memujuk kepada peraturan-peraturan lain dan kalau kita baca dalam Rang Undang-undang ini juga kita lihat banyak di tempat-tempat lain yang mana peraturan itu dikaitkan.

Selain daripada di bawah Seksyen 5 tadi Seksyen 6 juga umpama ada disebut: "Apa-apa pencen, ganjaran atau lain lain faedah yang diberi di bawah Akta ini hendaklah dihitung mengikut peraturan-peraturan itu." Saya pun tidak tahu hendak ikut peraturan mana? Regulation itu mungkin belum dibuat, akan dibuat selepas daripada ini, mungkin yang lama itu akan digunakan. Jadi itu menunjukkan yang Rang Undang-undang ini tidaklah begitu kemas seperti yang didakwakan tadi. Kita terpaksa merujuk kepada peraturan-peraturan lain untuk mengetahui sebenarnya apakah yang dimaksudkan di dalam Rang Undang-undang ini. Apakah faedah yang lebih baik yang boleh diterima oleh bakal-bakal penerima

pencen. Apa yang pentingnya ialah peruntukan yang ada di dalam Perlembagaan kita sendiri kerana Perlembagaan kita telah menyatakan di bawah Perkara 147 yang berbunyi demikian. 147 adalah berkenaan dengan perlindungan hak-hak pencen.

"Undang-undang yang dipakai bagi apa-apa pencen, ganjaran atau lain-lain elauan sepertinya (dalam Perkara ini disebut sebagai "award") yang diberi kepada seorang anggota mana-mana perkhidmatan awam, atau kepada balunya, anaknya, orang tanggungannya atau wakil dirinya, ialah undang-undang yang berkuatkuasa pada hari yang berkaitan atau apa-apa undang-undang kemudiannya yang tidak kurang baiknya kepada orang yang diberi award itu."

Dengan ringkasnya makna Perkara 147 ini ialah apa juga undang-undang pencen yang kita hendak wujudkan mestilah tarafnya lebih baik daripada undang-undang pencen yang lepas. Kalau tidak, apa-apa peruntukan yang kita buat dalam undang-undang adalah bertentangan dengan Perlembagaan dan mengikut Perkara 4 Perlembagaan, apa jua pertentangan itu tidaklah sah. Jadi di sini terpaksa kita mengawasi supaya semua peruntukan baru yang telah dikemukakan sebentar tadi oleh Yang Berhormat Menteri tidak bertentangan dengan Perkara 147 Perlembagaan Persekutuan.

Daripada huraian yang dibuatnya tadi saya nampak kebanyakannya peruntukan-peruntukan baru ini adalah peruntukan-peruntukan yang baik, peruntukan-peruntukan yang menguntungkan bakal penerima pencen. Oleh itu, rasa saya tidaklah menjadi masalah, tetapi ada beberapa perkara yang timbul di dalam Rang Undang-undang ini yang saya tidak tahulah sama ada ia akan memberi faedah yang lebih baik kepada bakal pencen atau sebaliknya.

Di sini ada disebutkan di bawah Fasal 28 yang mengatakan: "Tertakluk kepada seksyen-kecil (2) Ordinan Pencen 1951 sebagaimana dipakai bagi mereka yang memilih Skim Baru atau yang dilantik di bawah Skim Baru adalah dimansuhkan." Bermakna adalah bertujuan supaya Ordinan Pencen 1951 hendak dimansuhkan atau tidak dipakai lagi mereka yang memilih skim baru. Jadi mereka yang tidak memilih maka

undang-undang lama itu masih lagi kekal baginya. Jadi di sinilah terpaksa kita memerhatikan.

Saya tidak tahu setakat ini sama ada semua pegawai-pegawai Kerajaan kita atau kakitangan-kakitangan Kerajaan kita atau mereka yang telah bersara sebelum Undang-undang ini diwujudkan yang berhak menerima pencen telah membuat pilihan. Kalau tidak maka sudah tentu kedua-undang-undang ini terpaksa digunakan ataupun dipakai lagi termasuklah Undang-undang yang mungkin kita luluskan sebentar lagi.

Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditempoikkan selama 15 minit.

Persidangan ditempoikkan pada pukul 4.51 petang.

Persidangan disambung semula pada pukul 5.10 petang.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

5.10 ptg.

Tuan Kamarul Ariffin bin Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, untuk mengelakkan saya menimbulkan perkara-perkara detail di dalam peringkat Jawatankuasa, saya harap Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya sekarang menyentuh beberapa perkara dalam ucapan ini berkenaan dengan berbagai Fasal yang saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Memteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya lihat dalam Fasal 2—Tafsiran Perkhidmatan Awam ini telah disenaraikan termasuklah Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan, Perkhidmatan Awam Am bagi Kerajaan Persekutuan, Pasukan Polis, Perkhidmatan Keretapi, Perkhidmatan Pelajaran, Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Kerajaan Persekutuan dan bagi satu atau beberapa Negeri, Perkhidmatan Awam bagi tiap-tiap satu Negeri, Perkhidmatan Parlimen, atau mana-mana perkhidmatan lain yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai perkhidmatan awam bagi maksud-maksud Akta ini.

Sebaiknya, Tuan Yang di-Pertua, yang akhir tadi di bawah (1) mana-mana perkhidmatan lain yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai perkhidmatan awam bagi maksud-maksud Akta ini, sepatutnya dibuat dalam satu Jadual. Kalau kita ada di sini satu Jadual di akhir Rang Undang-undang ini saya rasa ada baiknya kalau ditetapkan sebagai di bawah Jadual supaya senang orang mengerti apakah lagi perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh ditafsirkan sebagai perkhidmatan awam. Tetapi nampaknya di sini kalau Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong hendak memutuskan satu perkhidmatan itu sebagai perkhidmatan yang dipakai bersabit dengan Rang Undang-undang ini beliau boleh berbuat demikian. Saya percaya apa juga perbuatannya mestilah melalui *Warta Kerajaan* tetapi yang sebaik-baiknya kalau kita sudah ada peruntukan Jadual di sini sepatutnya apa juga tambahan itu eloklah dibuat di bawah Jadual atau sekurang-kurangnya bukanlah dibuat secara orang lain yang tak tahu tetapi secara pengumuman di dalam *Warta Kerajaan*. Kerana kalau kita lihat di bawah Fasal 27 ada peruntukan yang mana "Yang di-Pertuan Agong boleh melalui pemberitahu dalam *Warta* mengisytiharkan mana-mana perkhidmatan menjadi lain-lain perkhidmatan awam dalam Jadual bagi maksud-maksud Akta ini".

Inilah yang saya katakan tadi kerana kalau kita baca Fasal 27, ini meliputi hanya perkara yang dianggapkan sebagai perkhidmatan ataupun menjadi lain-lain perkhidmatan awam di bawah tafsiran Fasal 2 juga kerana di sini ada disebutkan "lain-lain perkhidmatan awam" ertinya perkhidmatan di bawah sesuatu Kerajaan yang dinyatakan dalam Jadual bagi pegawai-pegawai yang ditukarkan kepada perkhidmatan awam. Di sini ada dua kategori: satu perkhidmatan awam dan satu lagi lain-lain perkhidmatan awam. Jadi tafsiran di bawah "lain-lain perkhidmatan awam" itu boleh dibuat melalui gezet mengikut Fasal 27 tetapi kalau pertambahan kepada tafsiran "perkhidmatan awam", itu nampaknya tidak dibuat melalui gezet, cuma Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sahaja memutuskan. Patut perkara semacam ini boleh dikemaskan.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekarang suka menyentuh kepada Fasal 10, Rang Undang-undang ini yang berbunyi, "Tertakluk

kepada seksyen-seksyen kecil (2), (3) dan (4), seseorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatan awam apabila ia mencapai umur lima puluh lima tahun". Di sini nampaknya tak ada lagi peluang diberi kepada pegawai-pegawai Kerajaan untuk melanjutkan perkhidmatannya lebih daripada 55 tahun. Kalau tak salah saya tadi saya dengar daripada Ucapan Yang Berhormat Menteri sekarang ini ada yang boleh melanjutkan hingga 60 tahun, maknanya tidaklah dipaksa melalui mana-mana Undang-undang supaya mereka bersara apabila mereka sampai umur 55 tahun.

Pada satu masa dahulu di dalam Dewan yang mulia ini saya telah menyarankan bahawa memandangkan yang negara kita memerlukan tenaga mereka yang telah mempunyai kebolehan dan pengalaman dalam bidang Kerajaan dan memandangkan bahawa kita adalah satu negara yang membangun maka perkhidmatan mereka yang berpengalaman ini perlu sangat, iaitu janganlah mereka dipersarakan bila mereka sampai umur 55 tahun. Semasa zaman penjajah dahulu memang betul kerana kehidupan seseorang manusia itu ataupun nyawa seseorang manusia itu, dalam bahasa Inggerisnya digelar "life expectancy" tidaklah begitu tinggi tetapi sekarang dengan perkhidmatan kesihatan yang baik, zat makanan dan sebagainya tak boleh dinafikan bahawa di Malaysia ini dan juga banyak di negara-negara lain maka "life expectancy" itu telah meningkat. Orang pada masa belum perang dahulu umpamanya kalau sampai umur 45 tahun itu sudah boleh dikatakan tidak lama lagilah mereka hendak sampai ke Hang lahat, tetapi sekarang ini tidak lagi begitu, sudah ada perubahan. Ini telah diperakui oleh dunia, "Life expectancy" bagi rakyat kita memang telah meningkat. Saya tak percaya yang pegawai Kerajaan bila sampai umur 55 tahun maka mereka sudah berasa mereka itu tua—saya tak percaya. Saya rasa inilah peringkat yang mereka mempunyai pengalaman yang setinggi-tingginya, yang baik sekali setelah menjalankan perkhidmatan begitu lama.

Bila kita membuat di dalam Undang-undang ini peruntukan yang kita memestikan mereka bersara pada umur 55 tahun, saya tak tahulah bagaimana kita hendak menjalankan perkhidmatan awam kita dengan baik. Saya masih ingat bila saya buat saranan di

sini saya telah ditegur oleh seorang pemimpin kesatuan sekerja dengan alasan bahawa saranan saya itu tidaklah menguntungkan kerana ini tidak memberi peluang kepada mereka yang di bawah memegang teraju yang tinggi. Ini alasan yang diberinya.

Saya rasa apa yang kita patut pandang ialah perkhidmatan yang kita perlu daripada pegawai-pegawai kita. Kalau kita mengakui bahawa pegawai-pegawai itu adalah di puncak perkhidmatannya semasa mereka berumur 50 hingga 60 tahun, masa yang kita boleh anggap mereka betul-betul matang dan dewasa kenapa pula kita pesarakan mereka? Ini seolah-olah mengakui yang selepas 55 tahun mereka sudah tidak berguna lagi, patutlah mereka memikirkan liang lahat mereka, saya rasa itu tidak betul.

Apa kita hendak buat kepada mereka setelah bersara selepas umurnya 55 tahun? Kalau mereka hidup sampai 100 tahun ataupun 80 tahun sekian lamanya mereka tidak buat kerja. Tetapi apa yang berlaku—ini kita tidak boleh nafikan hakikatnya bahawa kebanyakan mereka yang telahpun bersara masuk ke dalam pihak swasta. Ini keuntungan bagi pihak swasta. Saya tidak nafikan. Tetapi yang kita perlu pandang ialah di dalam perkhidmatan Kerajaan sendiri kita memerlukan tenaga-tenaga yang berpengalaman, Kerajaan sendiri memerlukan tenaga-tenaga yang berpengalaman dan untuk mendapat pengalaman ini bukannya setahun dua sahaja. Boleh kita bandingkan satu lagi perkhidmatan, Perkhidmatan Kehakiman.

Sungguhpun kita mempunyai hakim-hakim yang agaknya umurnya muda kalau dibandingkan dengan hakim-hakim di negara Barat—Hakim Mahkamah Tinggi yang saya maksudkan, tetapi rasa saya mereka itu mempunyai pengalaman yang matang, yang cukup apabila mereka selepas daripada berumur 55 tahun. Maknanya sudah mengerti dengan semasak-masaknya masalah masyarakat, masalah dunia dan rasa saya tidak ada bezanya dengan pegawai-pegawai Kerajaan di negeri ini.

Ada pegawai-pegawai yang tidak guna itu, itu tidak mengapalah tetapi bagi mereka yang kita tahu sangat berguna kepada negara kenapa pula, kita pesarakan mereka pada umur 55 tahun. Inilah satu pertanyaan yang saya suka tanya. Mungkin alasan-alasan tidak diberi tadi kenapa kita menetapkan

umur 55 tahun. Kalau kita tetapkan dengan alasan hendak memberi nikmat kepada mereka supaya betul-betul bersara, goyang kaki, tidak kerja mungkin itu alasannya, tetapi saya tidak percaya yang seseorang yang telah berkhidmat dengan cemerlang sampai 55 tahun, lepas itu dia tidak tahu hendak buat apa kerja. Saya rasa mereka ini boleh lagi memberi perkhidmatan yang cemerlang apabila mereka sampai ke umur 55 tahun dan sekurang-kurangnya selama 5 tahun lagi.

Saya berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sekiranya beliau dapat memberi alasan kenapa kita tetapkan 55 tahun itu sebagai had maksima bagi dipesarakan ini. Saya tidak tahulah, mungkin kita hendak memberi peluang kepada orang-orang muda—mungkin itu alasannya, tetapi saya sekali lagi suka menekankan bagi negara kita yang membangun ini selama dua tiga generasi lagi kita memang memerlukan tenaga-tenaga dan kebolehan-kebolehan daripada pegawai Kerajaan kita yang mempunyai pengalaman selain daripada mempunyai kebolehan kerana ada bezanya di antara kebolehan, kelayakan dengan pengalaman.

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya telah menyentuh sama ada peruntukan sedemikian bertentangan atau tidak dengan Perkara 147 Perlembagaan Negara yang saya sentuh tadi. Mungkin satu hujah mengatakan ini adalah lebih baik daripada peruntukan yang lama. Kita mempesarakan seseorang itu bila dia sampai umur 55 tahun kerana seperti saya katakan tadi kalau peruntukan itu tidak lebih baik maka undang-undang itu tidak sah. Satu hujah mengatakan memang baik bagi bakal pesara bila mereka dapat bersara pada umur 55 tahun, tetapi saya tidak tahu sama ada itu tepat. Boleh jadi ada pegawai-pegawai yang sanggup bekerja hingga 60 tahun tetapi mereka tidak diberi peluang dan mengikut undang-undang baru ini mereka terpaksa bersara pada umur 55 tahun. Jikalau begitu alasannya dari sudut kaca mata orang-orang yang hendak bertugas sehingga 60 tahun tadi, ini sudah tentu satu perkhidmatan yang tidak baik baginya dan mungkin bertentangan dengan Perkara 147, Perlembagaan. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberi penjelasan dalam masalah ini.

. Saya juga lihat bahawa Fasal 10 ini tidak dipakai terhadap pegawai kita di dalam Dewan ini iaitu Setiausaha Dewan Negara, kerana orang lain kenalah bersara pada umur 55 tahun tetapi bagi Setiausaha Dewan Negara nampaknya peruntukan ini tidak dipakai, kerana kalau tidak salah saya dengar tadi mengikut undang-undang lain Setiausaha Dewan Negara dan juga Setiausaha Dewan Rakyat hanya boleh dipesarakkan atau bila mereka mencapai umur 60 tahun.

Oleh kerana saya juga bukan orang yang mengerti berkenaan dengan pencen ini, seperti saya katakan tadi mungkin saya juga rasa perlu kita mendapat penjelasan berkenaan dengan Fasal 10 (5) yang berbunyi.

"10 (5) Yang di-Pertuan Agong, berkenaan dengan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihakberkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri, boleh menghendaki manamana pegawai supaya bersara daripada perkhidmatan awam—

(a) jika Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri!, mengikut mana yang berkenaan, adalah berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkin menjadi kekal;"

Ini sudahlah rasa saya wajar kalau seseorang pegawai itu sudah sakit, tidak boleh menjalankan kerja dan disahkan dia tidak sihat, maka bolehlah beliau itu diprsarakkan. Tetapi di bawah (b), saya minta penjelasan yang mana berbunyi:

"(6) apabila jawatan yang dipegangnya dihapuskan;"

Apa yang dimaksudkan di sini? Kalau umpamanya kita telah mewujudkan satu jawatan, lepas itu kita rasa jawatan itu tidak patut diwujudkan dan seseorang itu baru berumur 45 tahun, bolehkah kita berhentikan dia dan jikalau kita berhentikan dia daripada perkhidmatan awam apakah yang pencen yang boleh diterima."

Kalau di bawah Fasal 9 nampaknya seseorang pegawai berpencen boleh diberi pencen, ganjaran atau lain-lain faedah

apabila—(a) dipaksa bersara di bawah seksyen 10. Di sini saya pun tak tahu sama ada dia berhak menerima pencen, berhak menerima ganjaran atau sama ada dan lain-lain kemudahan. Ini adalah di antara perkara-perkara yang saya rasa samar-samar dan ada baiknya jika kita mendapat sedikit penjelasan di bawah Fasal 10 (5) (b). Begitu juga di bawah (c) nampaknya yang berbunyi:

(c) bagi maksud supaya organisasi jabatan di mana pegawai itu bekerja mudah diperbaiki dan dengan itu menghasilkan lebih lagi kecekapan atau ekonomi.

Maknanya kalau ada satu department atau jabatan untuk memperbaiki perkhidmatan itu maka dihapuskan jabatan itu dan orang itu boleh dipersarakan. Saya rasa sebelum tindakan sedemikian dibuat, eloklah kalau boleh pegawai-pegawai itu diserap dalam jabatan lain, tetapi saya tak tahulah apa yang dimaksudkan di bawah 10 (5) (c) itu.

Dan di bawah 10 (5) (d) dia boleh dipersarakan apabila ditamatkan pekerjaan pegawai itu demi kepentingan awam. Jadi, saya rasa bagi saya yang kurang mengerti makna kepentingan awam itu, saya juga meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri apa bezanya kepentingan awam dengan kepentingan negara, dengan kepentingan perkhidmatan awam. Kita tahu ada pegawai-pegawai yang dipersarakan di bawah kepentingan negara ataupun dalam bahasa Inggeris on the grounds of national interest. Dan dia juga boleh dipersarakan di bawah alasan demi kepentingan perkhidmatan awam (in the interest of public service). Jadi ada tiga kategori di sini, pertama; national interest, kedua in the interest of public service atau ketiga public interest atau kepentingan awam. Jadi, persara sedemikian supaya kita tidak menjadi salah sangka, saya rasa ada baiknya saya mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri atas tiga kategori itu, siapakah yang boleh diberhentikan di bawah national interest ataupun kepentingan negara dan atau di bawah public interest ataupun kepentingan awam. Ini ada perbezaannya, ada technical differencenya. Bagi orang yang tak mengerti betul-betul apabila seseorang itu telah berhenti di bawah national interest, kadangkala kita rasa dia telah menjalankan perkhidmatan yang cemerlang atau sebaliknya, dan begitu juga kalau seseorang itu

diberhentikan atas public interest tafsiran yang samar-samar mungkin timbul. Jadi, ada baiknya jika kita mendapat sedikit penjelasan.

Saya tahu ada juga pegawai-pegawai Kerajaan yang sekian lama ini telah dipersarakan di bawah national interest. Mereka itu memanglah telah menjalankan khidmat yang baik, tetapi ada juga yang telah dipersarakan atas demi kepentingan awam. Saya rasa eloklah kita mendapat sedikit penjelasan.

Saya lihat, Tuan Yang di-Pertua, Fasal 12 tidaklah banyak bezanya dengan peruntukan yang ada di dalam Undang-undang Pencen ataupun Ordinan Pencen, 1951 yang mana nampaknya pegawai-pegawai wanita bolehlah jika mereka hendak memilih persaraan, boleh berbuat demikian apabila sampai umur 45 tahun. Nampaknya ada beza iaitu orang lelaki 55 tahun wanita 45 tahun. Saya tak tahulah sama ada kaum wanita hendak menentang ini sebagai satu ukuran yang tidak adil, tidak sama. Boleh jadi mereka lebih suka membuat pilihan pada umur 45 tahun, tetapi saya tak tahulah kalau ada pula juara women's lib yang menyatakan ini tak adil. Itu terpulanglah kepada mereka mengemukakan.

Begitu juga bagi mereka yang boleh membuat pilihan ini termasuklah di bawah Fasal 12 tadi:

- (i) x x x x x x x x x x x x x x x x
- (ii) seseorang pegawai perkhidmatan bomba yang berpangkat pegawai rendah dan ke bawah;
- (iii) seseorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Penolong Penguasa Polis;
- (iv) seseorang pegawai penjara yang berpangkat rendah daripada Penguasa; dan
- (v) seseorang jururawat lelaki di hospital sakit otak; atau

Maknanya cuma mereka yang berkhidmat di hospital sakit otak sahaja yang berhak membuat pilihan itu. Jadi saya sukalah mengerti sedikit rationalenya kenapa mereka boleh membuat pilihan untuk bersara mereka sampai umur 45 tahun. Adakah tugas-tugas yang mereka buat itu agak berat sedikit? Adakah mereka telah lama sangat duduk di hospital sakit otak itu, tidak tahan lagi?

Ataupun seorang Pegawai Polis yang berpangkat ASP ke bawah merasakan apabila sampai umur 45 tahun peluang hendak naik pangkat tak ada lagi baiklah dia bersara dan mencuba nasibnya di bidang swasta. Apakah rationalenya. Mungkin ada sebab-sebabnya. Bagi saya, saya sukalah mendapat tahu dan saya percaya sahabat-sahabat saya dalam Dewan ini juga mahu mengetahui rationalenya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 14 iaitu berkenaan dengan pencen atau ganjaran terbitan yang mana ada disebutkan:

14. (1) Jika seseorang pegawai ber-pencen mati dalam perkhidmatan, Yang di-Pertuan Agong boleh memberi kepada orang yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu pencen terbitan tidak kurang daripada satu per lima daripada gaji yang akhir diterima oleh pegawai yang mati itu dan ganjaran terbitan atau hanya ganjaran terbitan sahaja.

Di sini Kerajaan telah menetapkan tidak kurang daripada satu per lima daripada gaji yang akhir. Saya tak tahulah sama ada ada peruntukan di dalam Ordinan Pencen 1951 atau di bawah Peraturan yang dibuat di bawah Ordinan itu dan jika ada berapa pula, sama ada satu per lima atau satu per enam ataupun tak ada langsung. Saya bertanya ini oleh kerana seperti saya katakan tadi apa juga pindaan yang dibuat terhadap pencen mestilah lebih baik daripada yang terdahulu. Kalau tidak, tak sah nanti.

Sekarang ini tak boleh saya hendak buat ukuran, tak tahu di mana saya hendak tengok. Jadi bagi saya hendak memperjuangkan sahabat-sahabat yang di belakang ini dan juga di luar Dewan yang bekerja dalam perkhidmatan Kerajaan tak dapat saya hendak berbuat demikian. Mungkin Yang Berhormat Menteri dapat membantu Ahli-ahli Dewan ini untuk menerangkan. Begitu juga perunitukan-peruntukan perkara lain seperti pencen hilang upaya (disability pension), itu juga ada peruntukan yang dibuat. Jadi saya juga suka mengetahui sama ada peruntukan baru ini lebih baik daripada peruntukan yang lama.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Fasal 20 ini nampaknya Kerajaan tidaklah mahu zaiim terhadap anak isteri bekas ataupun pesara yang telah dianggap sebagai seorang muftis (bankrupt).

Di bawah Fasal 20 (3) ada peruntukan-peruntukan memberi elaun tanggungan untuk nafkah atau faedah pesara isteri atau anaknya jika pencen, ganjaran atau Iain-lain faedah tidak diberi di bawah seksyen-kecil (1).

Saya suka bertanya iaitu untuk kebaikan anak isterinya, berapa banyakkah elaun tanggungan yang akan diberi ini, ini juga nampaknya tidak begitu jelas dan ada baiknya kalau kita mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, pada umumnya seperti saya katakan pada awal tadi peruntukan yang ada di dalam Rang Undang-undang baru ini adalah baik dan niat Kerajaan itu sangatlah suci dan murni untuk memberi imbuhan yang sebaiknya kepada pekerja-pekerja awam. Itu rasa saya tidak ada siapa yang akan membangkang. Tetapi apa yang selalu menjadi kesusahan bagi mereka yang telah bersara ialah mereka terpaksa menunggu kadang-kadang sampai setahun sebelum mereka mendapat bayaran pencen. Ini menunjukkan kelemahan yang telah berlaku di Jabatan Pencen sendiri, saya harap dengan adanya undang-undang baru ini maka jentera pentadbiran pencen juga patutlah diperbaiki, janganlah tunggu sampai orang itu telah bersara, setahun selepas dia bersara, baru dia mendapat pencennya.

Sungutan rasa saya sudah jemu kita mendengar daripada mereka yang terlibat. Saya rasa inilah masa yang baik bagi Kerajaan sama-sama memperbaiki jentera pentadbiran Jabatan Pencen yang seelok-eloknya setahun sebelum seseorang itu hendak dipersarakan, sediakan supaya bila mereka bersara nanti, mereka tidaklah seperti sebuah kapal hilang kemudi. Kalau di dalam Angkatan Tentera (Angkatan Bersenjata) kita, saya difahamkan kita menyediakan mereka supaya mengambilalih nanti di dalam tugas baru mereka sebagai orang biasa, dan saya difahamkan juga Kementerian Pertahanan telah menjalankan beberapa kursus untuk menyediakan mereka mengambilalih di dalam dunia yang baru daripada dunia tentera. Jadi saya rasa bagi pensioner pun terpaksalah kita mencari jalan supaya mereka ini kalau kita hendak bersarakan mereka pada umur 55 tahun, mereka boleh lagi menjadi ahli-ahli yang

berguna dalam masyarakat, janganlah sampai 55 tahun atau semasa dia berpencen, mereka jadi orang tidak berguna lagi.

Persediaan patut juga dibuat untuk melatih mereka mengambilalih dan nasihatkan mereka supaya jangan gopoh-gapah. Daripada pengalaman, kita tahu, banyak pegawai tinggi kita yang telah bersara dan telah mendapat ganjaran (gratuity) yang begitu besar juga, mereka telah menceburi diri di dalam dunia perniagaan, menanamkan modal atas kesemuanya ganjaran mereka dan banyak yang telah gagal dan hilang duit ganjaran 100%. Kita tidak mahu perkara ini berlaku kita tidak mahu yang pesara-pesara itu susah. Kalau mereka belum diatur pemikiran mereka untuk masuk lapangan business, kita jangan nasihatkan mereka masuk demikian kerana kalau hendak masuk di peringkat itu agaknya terlambat bagi mereka hendak mengerti selok-belok business, mungkin mereka pada satu masa dahulu menjadi pegawai tinggi dalam Kerajaan—ada bezanya menjalankan perniagaan dengan menjalankan pentadbiran Kerajaan. Pintarnya lebih banyak di dalam dunia perniagaan dan saya tidak mahulah perkara ini berulang lagi.

Sudah ramai, rasa saya, kita pun tahu dalam Dewan ini ada di antara mereka yang telah hilang setiap duit ganjaran yang mereka terima kerana menceburi satu bidang yang baru kerana mereka tidak tahu hujung pangkal. Itulah sebabnya saya suka menyarankan supaya Jabatan Pencen mengadakan satu sistem, satu petunjuk bagi membantu bakal-bakal pesara nanti. Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya dengan perasaan penuh sukacita menyokong Rang Undang-undang ini.

5.47 ptg.

Tan Sri Datuk Haji **Abdul Razak bin Haji Hussain**:Tuan Yang di-Pertua, saya bangun dan menyokong Bil ini kerana ada setengah-setengah daripadanya ia ada lebih baik daripada Undang-undang Pencen 1951 dahulu. Akan tetapi di dalam Bil ini juga membawa pada fahaman kekeliruan yang perlu mendapat penjelasan.

Umpamanya pada Iain-lain pegawai had umur bersara ialah 55 tahun, tetapi pada Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan

Rakyat, mereka itu dikehendaki bersara pada umur 60 tahun. Walaupun ini adalah kehendak Perlembagaan Fasal 65 dan, dengan izin:

"65 (2) Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong dan, tertakluk kepada Fasal (3), tiap-tiap seorang daripada mereka hendaklah memegang jawatan sehingga mencapai umur enam puluh tahun atau apa-apa had umur sebagaimana diperuntukkan oleh Parlimen dengan undang-undang, melainkan jika ia terlebih dahulu meletakkan jawatannya."

Tuan Yang di-Pertua, kalau sekiranya ia memohon bersara, pertimbangan persaraan ini hendaklah dikaji dengan sama pertimbangan perasaan Kehakiman dan juga mengikut Perlembagaan Fasal 65 (5);

"65 (5) Setiausaha Dewan Negara, Setiausaha Dewan Rakyat dan kakitangan Parlimen tidak berkelayakan menjadi ahli Dewan Negara atau Dewan Rakyat atau Dewan Negeri." Kakitangan Parlimen ini termaktub di dalam Perlembagaan dan apa yang perlu diperhatikan dan dapat diketahu oleh Ahli dan umum. Fasal 64 (4) berbunyi;

"(4) Kecuali sebagaimana selainnya diperuntukkan dengan nyatanya oleh Perkara ini, peraturan-peraturan boleh dibuat dengan undang-undang persekutuan mengenai kelayakan-kelayakan untuk perlantikan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat, dan bagi kakitangan Majlis Parlimen."

Tuan Yang di-Pertua, kalau dikatakan Setiausaha Dewan Negara atau Setiausaha Dewan Rakyat itu mudah di fahami tetapi apabila dikatakan dalam Perlembagaan ini bagi kakitangan Majlis Parlimen yang mesti diperuntukkan syarat-syarat perkhidmatan mereka, maka ini melibatkan takrif kakitangan Majlis Parlimen keseluruhannya. Maka apakah takrifnya itu, adakah termasuk pegawai-pegawai rendah kakitangan Parlimen yang dikehendaki oleh Perlembagaan ini atau ada had selain daripada Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat. Maka saya mohon.

Tuan Yang di-Pertua, Menteri berkenaan hendaklah menerangkan kepada Dewan ini kalau boleh dan kalau tidak upaya akan mensenaraikan kemudian daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, persaraan Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat adalah sama persaraannya sebagai seorang Hakim. Undang-undang ini semata-mata mengikut kehendak Perlembagaan dengan tidak difikirkan kesulitan yang akan timbul dengan lantikan seorang Setiausaha Dewan Negara atau Dewan Rakyat. Di sini nampak satu kelemahan daripada Bil ini diwujudkan.

Tuan Yang di-Pertua, apakah kelebihan menjadi seorang Setiausaha Dewan Negara dan Dewan Rakyat sedangkan jabatannya ialah jabatan tertutup. Adakah kemewahan yang diberi bagi Setiausaha Dewan Negara dan Setiausaha Dewan Rakyat? Maka ini juga perlu dipertimbangkan. Saya tidak hendak membela Setiausaha Dewan Negara atau Setiausaha Dewan Rakyat akan tetapi ini hak saya bercakap bagi menerangkan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau mengikut masalah ini, saya mohon sekali lagi penerangan daripada Yang Berhormat Menteri mengikut Perkara 65 (4) sebagaimana yang telah bacakan tadi. Begitu juga sebagaimana saya kata tadi, mengikut kehendak Perkara: 125 (3) rayuan dibuat kepada Yang di-Pertuan Agong oleh Yang di-Pertua Dewan Negara atau, mengikut mana yang berkenaan, kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu perkara yang saya sangsikan ialah Undang-undang Peneen ini juga boleh memberi pencen kepada pegawai sementara setelah mereka berkhidmat 10 tahun dan tidak membayar caruman iaitu mengikut Fasal 24 (a), (b) dan (c) yang mana (c) berbunyi:

"(c) telah pada tarikh perlantikannya tidak kena membayar carum kepada Kumpulanwang Simpanan Pekerja atau Iain-lain kumpulanwang simpanan."

Dengan yang demikian pegawai sementara ini berhak mendapat persaraan.

Saya hendak bertanya mengapa dikekalkan pegawai sementara itu, tidak diserapkan kepada jawatan tetap sedangkan hak-hak persaraan yang Iain-lain adalah sama dengan

pegawai-pegawai tetap dan kalau ini amalan kita bahawa kita boleh membanyakkan lagi pegawai-pegawai sementara itu di dalam perkhidmatan Kerajaan setelah 10 tahun berkhidmat baru ada keyakinan dalam jiwanya bahawa dia boleh dimasukkan dalam kakitangan yang boleh dipersarakan tetapi sebelum itu dia masih waham sebab dia pegawai sementara berlainan dengan pegawai tetap. Pegawai tetap ini jabatannya tetap, ianya mengambil tempoh 10 tahun sahaja tetapi pegawai-pegawai sementara tidak, dia dimasukkan sebagai pegawai sementara, belum tahu bila dia akan berhenti akan tetapi bila dia sudah melangkaui 10 tahun baru dia berhak. Maka mengapa kita wujudkan jawatan sementara itu. Ini satu soalan yang saya hendak tanya, mengapa kita tidak hapuskan pegawai sementara itu daripada permulaan kerana pegawai sementara ini mesti berkhidmat 10 tahun maka baru dia yakin yang dia mendapat faedah persaraan, berlainan dengan pegawai tetapi apabila masuk perkhidmatan habis sahaja tempoh percubaan maka dia diakui sebagai pegawai dalam jabatan yang tetap dan sampai tempoh 10 tahun maka dia dimasukkan dalam jawatan berpcen dan hak-hak yang dia boleh bersara.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu saya memang tertarik hati dengan apa yang diucapkan oleh sahabat saya Senator Kamarul Ariffin iaitu seseorang jururawat lelaki di hospital sakit otak ini boleh meminta bersara pada waktu umur 45 tahun. Pegawai perempuan tentulah terlibat dengan Fasal 12 (a) (f) seseorang pegawai perempuan yang berumur 45 tahun boleh minta bersara dari perjawatannya, dan (b) 50 tahun bagi seseorang pegawai lelaki, lain daripada pegawai-pegawai dalam perenggan-perenggan kecil (ii) hingga (iv) perenggan (a).

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak irihati kepada orang perempuan atau pegawai wanita tetapi mengapa diperuntukkan 45 tahun. Inipun saya hendak tanya Menteri, bila 45 tahun dia boleh minta bersara. Orang lelaki bila berumur 50 tahun baru boleh bersara, mengapa pihak pegawai perempuan ini diberi begitu mudah sedangkan kita sekarang ini hendak menyanjung orang perempuan supaya seimbang dengan lelaki. Jikalau kita mentakrifkan bahawa tenaganya sudah kurang, keadaannya sudah kurang, di mana duduk persamaan hak antara lelaki dan perempuan dalam perkhidmatan negara.

Saya tidak hendak membela orang perempuan, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya hendak membela pegawai perempuan yang sepatutnya dia masih boleh berkhidmat tetapi sudah ditawarkan supaya bersara. Saya beri contoh, Tuan Yang di-Pertua, dahulu pun saya pernah mengatakan 28,000 anggota-anggota Polis wanita yang berkhidmat dalam Pasukan Polls tetapi cuma ada seorang sahaja Penguasa. Jadi ini tidakkah memalukan? Kita bukanlah macam orang Congo sarjan jadi jeneral. Tetapi sudah patut ini dinaikkan kepada pangkat yang lebih dan apabila dia frust sampai umur 45 tahun dia akan berhenti. Ini yang saya takut Apabila sampai 45 tahun mereka akan berfikir khidmat saya tidak dihargai, apa buat saya bekerja lagi, saya hantar surat letak jawatan, kerana frust. Tidakkah kita rugi.

Tenaga kaum wanita dalam negara kita ini bukan sahaja dalam bidang politik, dalam bidang perkhidmatan di mana-mana jua pun, juga dalam perkhidmatan, bukan kehakiman, tetapi magistrate kita masih kurang. Tiada seorang perempuan menjadi Hakim sampai 45 tahun dia tidak dapat pangkat dia berhenti, frust. Bila dia frust dia hantar surat bersara. Siapa rugi? Ini sebabnya maka dalam negara kita sekarang ini banyak orang perempuan yang berkhidmat dengan Kerajaan lebih baik berhenti bekerja daripada berkhidmat. Saya harap kejadian ini tidak akan berlanjutan bahkan pihak perempuan akan terus berkhidmat dan melawan kedudukan perkara ini jikalau tidak seimbang.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap saya dalam masalah Fasal 17 dan juga Fasal 10 (5)—seseorang yang akan diminta bersara. Jikalau mengikut Fasal ini seseorang kakitangan Kerajaan boleh diminta ia dibersarakan iaitu dengan kelulusan Yang di-Pertuan Agong berkenaan pegawai persekutuan atau pegawai persekutuan tempatan, atau Pihak-berkuasa Negeri, berkenaan dengan pegawai negeri boleh menghendaki mana-mana pegawai supaya bersara daripada perkhidmatan awam:

“(a) jika Ketua Pengarah atau Setiausaha Kerajaan Negeri, mengikut mana yang berkenaan, adalah berpuas hati atas keterangan doktor bahawa pegawai itu tidak berupaya menjalankan kewajipan-kewajipan jawatannya, disebabkan oleh kelemahan akal atau tubuh yang mungkim menjadi kekal.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak ragu keadilan mahkamah atau keadilan Kerajaan. Tetapi yang saya ragu cara melaksanakan keadilan itu. Seseorang pegawai Kerajaan apabila dia didapati bukan sakit sangat tetapi dia dinasihatkan mesti berhenti dan berjumpalah dengan doktor tetapi pegawai itu tahu motif dia bersara itu tentu ada manik sebelumnya. Ini perkara yang kita ragukan, kemungkinan dia melakukan pecah amanah, atau sengaja hendak membantu dia supaya dapat bersara maka dalam kategori ini dimasukkan. Pada saya haruslah bab ini sepatutnya ditiadakan, kerana ini boleh mendatangkan satu syak wasangka kalau mengikut kehendak 5 (a) ini.

Saya minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya hendak menyatakan kearifan saya dan saya fikir tentulah pihak yang membuat undang-undang atau Kerajaan ini lebih memikirkan sebelumnya, tetapi pada saya dengan adanya clause ini saya mendatangkan keraguan. Dengan jalan itu mungkin banyak perkara-perkara yang terlibat di dalamnya dapat dipendamkan dengan alasan, dengan nasihat doktor atau tabib bahawa pegawai ini tidak dapat menjalankan pekerjaannya kerana sakit. Kelemahan akal sahaja, bukan sakit akal. Jadi lazimnya kelemahan akal ini bermakna boleh ditafsirkan dengan beberapa kehendak yang lain.

Tuan Yang di-Pertua, lagi satu saya hendak sentuh ialah mengenai masalah yang disebut "perkhidmatan awam" iaitu takrif "perkhidmatan awam" dalam muka surat 4—

"perkhidmatan awam" ertinya—

- (a) Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan;
- (b) Perkhidmatan Awam Am bagi Kerajaan Persekutuan;
- (c) Pasukan Polis;
- (d) Perkhidmatan Keretapi;
- (e) Perkhidmatan Pelajaran;
- (f) Perkhidmatan Awam Bersama yang am bagi Kerajaan Persekutuan dan bagi satu atau beberapa negeri;
- (g) Perkhidmatan Awam bagi tiap-tiap satu Negeri;
- (h) Perkhidmatan Parlimen; atau
- (i) mana-mana perkhidmatan lain yang diputuskan oleh Yang di-Pertuan Agong sebagai perkhidmatan awam bagi **maksud-maksud Akta** ini;

Saya hendak menyentuh berhubung dengan tentera, sebab tentera tidak termasuk dalam kategori perkhidmatan awam, pegawai-pegawai tinggi tentera bersara mengikut cara persaraan perkhidmatan awam, tetapi kakitangan rendahnya, askar-askar dikira tahun berkhidmat. Polis umpamanya, dia berkhidmat 10 tahun dia berhak bersara. Tentera mesti berkhidmat selama 21 tahun baru dia berhak bersara, ini kepada pegawai rendah. Akan tetapi hendak mencapai 21 tahun itu banyak rintangan yang dia mesti lalui. Tabiknya mesti lebih ganda daripada biasa dan mesti baik dengan pegawai pemerintahnya. Yang banyak terkandas ini ialah antara 15 tahun askar-askar rendah ini yang berhenti dari perkhidmatannya. Kadang-kadang 18 tahunpun tidak dapat. Lebih-lebih dihantar ke Pahang, bukan tanah baru, Sungai Koyan namanya. Tinggallah di sana dengan tiada air, tiada api, hidup dengan keadaan yang baru setelah 18 tahun di bawah cahaya api, dengan air paip yang bila diputar boleh keluar air. Mengubah keadaan yang baru kehidupan mereka setelah 18 tahun dia berkhidmat kepada negara. Apa bezanya dia dengan polis, kalau kita soal. Guard sama-sama, serupa juga hanya tabik sahaja berlainan. Mengapa dibezakan sudahlah tidak masuk perkhidmatan awam itu tidak kiralah tetapi pegawainya kalau pencen mengikut perkhidmatan awam, setinggi-tinggi pencennya setengah daripada gaji. Kalau dia dapat \$4,000—\$2,000 dia dapat. Tetapi pegawai rendah ini di manakah keadilannya?

Saya menyuarakan ini bukan kerana hendak popular, tidak. Saya tidak pernah dapat, akhbar Straits Times baik, apa baik, Radio- dan TV lain dia sebut lain gambar yang keluar. Di mana keadilan 18 tahun dengan 10 tahun ini? Jadi Kerajaan patut menimbang. Saya merayu kepada Kerajaan walaupun tiada dalam Bil ini tetapi pegawai tinggi tentera memang mengikut kategori pegawai Kerajaan tetapi yang saya nyatakan ini ialah pegawai rendah setelah 21 tahun.

Ini dinyatakan oleh banyak tentera dan inilah perkara yang menimbulkan tidak puas hati kakitangan dalam perkhidmatan tentera. Saya fikir walaupun perkara ini tidak termasuk dalam Rang Undang-undang yang dibentangkan ini akan tetapi Menteri tadi bercakap, saya pasang pembesar suara saya nyata menyebut tentera itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak hendak memanjangkan ucapan saya esok dan saya akan menghabiskan pada petang ini dengan seberapa cepat yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara lagi yang patut Kerajaan timbangkan. Apa kesahnyanya kalau kakitangan Kerajaan yang tidak cukup umur 50 tahun tetapi dia hendak berkhidmat dengan negara, memasuki pilihanraya walaupun Parlimen telah menetapkan pada bulan April tahun 1962 bahawa seseorang kakitangan Kerajaan yang tidak cukup 50 tahun umurnya, kalau dia hendak masuk sebarang pilihanraya mestilah dia meletakkan jawatan dan berhenti daripada perkhidmatan dengan tidak mendapat sebarang apa ganjaran.

Saya tidak fikir Kerajaan begitu sekali kejam, kalau masuk swasta pun, kalau dia sudah kerja sampai 10 tahun dapat juga ganjaran. Pencen jangan beri. Bolehkah Kerajaan menimbang hal ini dan Yang Berhormat tolonglah dengar-dengar sedikit. Pencen tidak dapat, tidak apa, tetapi ganjaran. Dia berkhidmat bukan setahun, 10, 15, 16 dan kadang-kadang 20 tahun, Tuan Yang di-Pertua, tetapi umurnya tidak cukup 50 tahun. Dia tidak boleh masuk dalam pertandingan dan dia berhasrat hendak membela negara. Tidak bolehkah ditimbang sedikit sebagai satu perubahan diberi ganjaran, tidak berpencen.

Ini saya merayu kepada Kerajaan, kerana pada hari ini undang-undang Parlimen telah memutuskan iaitu seseorang pegawai kerajaan yang hendak masuk bertanding dalam pilihanraya mestilah dia mencapai umur 50 tahun. Jikalau tidak, dia mestilah meletakkan jawatannya dengan tidak mendapat sebarang faedah dari perkhidmatan dia. Ini saya merayu dan saya harap mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri dapat memikirkan masalah ini dan juga disambungkan kepada Kerajaan pandangan yang saya kemukakan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Bill ini dengan penuh sukacitanya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puan Zawiah binti Abdullah.

6.14 ptg.

Puan Zawiah binti Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang kepada saya turut sama dalam membahaskan Rang Undang-undang Pencen 1979 ini.

Dalam Rang Undang-undang ini saya ingin menarik perhatian mengenai Seksyen 10 iaitu persaraan paksa di mana seorang pegawai hendaklah bersara dari perkhidmatannya apabila dia mencapai umur 55 tahun.

Saya rasa peraturan ini patut dikaji semula terutama bagi pegawai-pegawai yang mempunyai minat serta menjalankan tugas-tugasnya dengan baik dan boleh menambahkan kemajuan di dalam sesebuah negeri ataupun negara hendaklah diberi peluang kepadanya supaya dapat menyambung perkhidmatannya sehingga umur 60 tahun, kerana apa yang kita dapati pada hari ini kita masih kekurangan pegawai-pegawai kemahiran yang mempunyai pengalaman terutama di negeri-negeri. Saya tidak nafikan bahawa masih banyak generasi-generasi muda kita yang berkelulusan tinggi yang masih menunggu peluang pekerjaan tetapi apa yang saya katakan ini ialah masalah kemahiran dan juga pengalaman yang sukar diganti.

Yang kedua, memandangkan kepada umur 55 tahun kalau orang dahulu memanglah tua tidak larat menjalankan tugasnya dengan sempurna kerana pada ketika itu bahan makanan yang mengandungi zat dan ubat-ubat untuk menyembuhkan penyakit amat berkurangan sekali. Itulah yang menyebabkan orang-orang dahulu lekas tua. Tetapi oleh kerana kemajuan sains dan teknologi keadaan negara dan penduduknya berubah dari satu masa ke satu masa, jenis-jenis makanan berzat kian bertambah dengan berbagai jenis ubat dikeluarkan. Bahkan ubat tua untuk menampakkan muda pun sudah ada (*Ketawa*). Umur 55 tahun ini juga masih lagi segar dan tampan dan boleh menjalankan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepadanya dengan sempurna. Buktinya banyak pegawai-pegawai tinggi Kerajaan yang bersara ketika umurnya 55 tahun diberi pula memegang jawatan-jawatan penting baik di dalam negeri ataupun di luar negeri termasuklah di dalam Dewan Negara ini iaitu Yang Berhormat Senator General Tan Sri Abdul Hamid Bidin yang ada di dalam Dewan ini yang masih sihat dan bertenaga (*Ketawa*).

Tuan Yang di-Pertua, saya menyentuh satu lagi Seksyen 12 (a) iaitu mengenai persaraan pilihan. Pencen boleh diberi atas persetujuan seseorang pegawai apabila mencapai umurnya 45 tahun bagi lima jawatan iaitu:

- (i) Pegawai perempuan;
- (ii) Pegawai perkhidmatan bomba pangkat rendah;
- (iii) Pegawai polis pangkat rendah;
- (iv) Pegawai penjara pangkat rendah; dan
- (v) Jururawat lelaki di hospital sakit otak.

Sebagaimana yang saya katakan tadi umur 55 tahun masih gagah dan bertenaga inikan pula umur 45 tahun tentulah lebih bertenaga lagi. Jadi peraturan-peraturan ini patut juga dipinda daripada 45 kepada 50 tahun. Tetapi sebaliknya jika didapati seseorang pegawai perkhidmatan awam itu berumur masih muda belum mencapai 40 tahun yang tidak begitu berminat bekerja, cuai yang difikirkan menjejaskan pentadbiran negara maka kepada mereka ini patutlah diberi pencen ketika umurnya mencapai had yang tersebut.

Saya memberi pandangan ini ialah kerana memandang apabila seseorang yang berpangkat rendah ini bersara kebanyakan mereka ini masih lagi mempunyai anak yang masih belum terlepas daripada tanggungan-nya iaitu masih bersekolah. Jadi pesara-pesara yang seumpama inilah yang patut dipertimbangkan kerana dengan pendapatan pencen yang tidak seberapa itu tidak mencukupi lagi menyara anak dan isteri dan mereka ini juga terpaksa mencari pekerjaan pekerjaan yang lain untuk menambah pendapatannya bagi menampung segala perbelanjaan yang tidak mencukupi itu.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita ketahui pada hari ini untuk mendapatkan pekerjaan memang susah. Bagi pesara-pesara yang berpangkat tinggi, rasa saya memang banyak peluang-peluang pekerjaan baik dengan Kerajaan ataupun swasta ataupun dengan menjalankan pekerjaan sendiri seperti berniaga dan sebagainya. Tetapi bagi persara yang berpangkat rendah ini memang tidak ada peluang seperti ini apatah lagi hendak bekerja sendiri seperti berniaga yang memakan modal yang banyak. Hendak membuat pinjaman pun tidak mempunyai harta seperti tanah bagi hendak dicagarkan kerana kebanyakan pesara-pesara yang berpangkat rendah ini kadang-kadang rumah

sendiri pun tidak ada, masih duduk di rumah sewa. Saya rasa pesara-pesara inilah yang menjadi masalah besar patut kita fikirkan bersama.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara lagi mengenai pembayaran pencen yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Kamarul Ariefin tadi, ada kalanya memakan masa dua tahun dan ada kalanya sudah mati pesara itu percennya belum diterima lagi. Jadi perkara inilah patut pihak Kerajaan mengambil perhatian yang berat supaya perkara seumpama ini tidak akan berlaku lagi di masa-masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong penuh di atas Rang Undang-undang Pencen 1979 ini.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Dr Wee Khoo Hock.

6.22 ptg.

Datuk Dr Wee Khoo Hock: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini. Saya ada tiga perkara sahaja yang saya hendak minta Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan. Yang pertama, muka 5, Fasal 3 (2) yang berbunyi:

"Jika Yang di-Pertuan Agong berpuas hati bahawa seseorang pegawai telah bersalah atas kecuai, salahaturan atau salahlaku, maka Yang di-Pertuan Agong boleh mengurangkan atau menahan pencen, ganjaran atau lain-lain faedah yang pegawai itu sepatutnya layak mendapat jika tidak kerana perumtukan seksyen ini."

Saya minta satu perkara sahaja, Tuan Yang di-Pertua, tidakkah boleh diberi peluang membuat appeal kepada pegawai-pegawai ini. Pegawai-pegawai ini telah beberapa tahun memberikan perkhidmatan dengan cekap maka patutlah diberikan peluang untuk appeal bagi mendapatkan balik pencen mereka.

Yang kedua, muka 9, Fasal 16 (a). Di sini disebutkan:

(a) jika penerima pencen itu ialah seorang balu, apabila ia berkahwin semula; ..."

Balu ini ertinya seorang perempuan (widow) Jadi, saya fikir ini tidak adil. Jika seorang duda (widower) sekiranya dia dapat pencen

dan dia kahwin semula pencennya tidak hilang, jadi perkara ini patutlah difikirkan. Kalau kita hendak denda seorang balu saya fikir duda pun hendaklah didenda sama. Kalau tidak ada persamaan saya fikir tidak patut.

Yang ketiga, muka 12, Fasal 23 (1). Di sini disebutkan:

"23. (1) Jika seseorang pegawai yang diberi pencen di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis dilantik semula sebagai seorang pegawai tetap dalam perkhidmatan awam, maka Yang di-Pertuan Agong boleh menggantung pencen itu sepanjang tempoh ia dilantik semula sebagai seorang pegawai tetap."

Ini ada sedikit confusion. Kalau kita baca balik Fasal 1 (2), adakah pegawai tetap ini termasuk di bawah Fasal ini iaitu:

"1 (2) Akta ini hendaklah dipakai di seluruh Malaysia bagi pegawai-pegawai dalam perkhidmatan awam—

- (a) x x x x x
- (b) x x x x x
- (c) x x x x x

Kalau termasuk, kita pergi pula ke muka 6, Fasal 10 (1) mengenai persaraan paksa. Kalau dia dipaksa mana boleh dilantik semula oleh Yang di-Pertuan Agong menjadi pegawai tetap? Saya fikir perkara ini ada sedikit confusion. Saya harap Yang Berhormat Menteri yang berkenaan dapat memberi sedikit penjelasan.

Berbalik pula kepada Fasal 7 yang dikatakan sini:

"7. Seseorang pegawai tetap boleh diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah—

- (a) xx xx xx xx xx xx xx;
- (b) xx xx xx xx xx xx xx."

Ini tidak berapa terang. Saya mintalah Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan. Sekianlah sahaja terima kasih.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat Raja Datuk Nong Chik.

6.28 ptg.

Raja Datuk Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong dengan sepenuhnya Rang Undang-undang ini. Saya dapati Rang Undang-undang ini patutlah benar dibuatkan dan saya menyokong seratus peratus. Tadi Yang Berhormat Senator Kamarul Ariffin telah mengatakan yang dia bukanlah seorang pegawai Kerajaan tetapi pada masa dahulu saya adalah seorang pegawai Kerajaan, jadi ini ada berlainan pendapat.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang pegawai Kerajaan yang telah berkhidmat selama beberapa tahun dalam Kerajaan, saya mempunyai pengalaman sedikit sebanyak, cuma tidak berpencen sahaja. Saya hendak menerangkan sedikit berkenaan dengan Fasal 7;

"7. Seseorang pegawai tetap diberi taraf sebagai seorang pegawai berpencen jika ia telah—

- (a) disahkan dalam jawatannya yang sekarang; dan
- (b) genap tempoh selama tidak kurang daripada sepuluh tahun"

Tuan Yang di-Pertua, seorang pegawai seperti saya masuk berkhidmat dalam Kerajaan katakanlah saya telah lulus universiti tidak bermakna apabila saya masuk sahaja di dalam perkhidmatan Kerajaan saya telah menjadi pegawai tetap.

Kalau saya hendak menjadi seorang pegawai MCS saya terpaksa lulus undang-undang selama empat—lima tahun pada masa dahulu baharu lulus, dan sesudah lulus pula berkhidmatlah sampai 10 tahun baharulah saya masuk ke dalam pensionable establishment, sebelum itu saya terpaksa membayar EPF kepada Kerajaan. Itulah yang dikatakan unpensionable officer. Dengan sebab itu saya menyokong dengan sepenuh-penuhnya Rang Undang-undang ini kerana di dalam tempoh 10 tahun tadi pegawai itu akan menjadi pegawai tetap. Tetapi cuma di sini dikatakan apabila dia telah menjadi

pegawai tetap selepas berkhidmat 10 tahun. Ini yang saya tidak berapa setuju kerana dia sudah masuk pensionable establishment tetapi dalam tempoh itu terus sampai umur 55 tahun baharu dia boleh mendapat pencen walhal dia sudah masuk dalam perkhidmatan berpencen. Jangkanya Kerajaan mestilah menimbangkan iaitu pada masa ini kalau dia sudah berkhidmat selama 10 tahun.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat boleh menyambung ucapan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ini ditangguhkan sekarang hingga pukul 2.30 petang hari esok, Jumaat, 11hb Januari, 1980.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.